

[Komentar 2]

Permulaan Parti Komunis China

Pendahuluan

Menurut buku “Menjelaskan Bahasa dan Mengurai Kata” (ShuowenJiezi) yang ditulis oleh Xu Shen (147 AD, Dinasti Han Timur), huruf Mandarin tradisional “Dang” yang bermaksud “parti” atau “geng” terdiri daripada dua kata dasar bererti “mengejar” dan “gelap atau hitam”. Menggabungkan kedua-dua kata dasar ini bermaksud “mengejari kegelapan”. “Parti” atau “anggota parti” (yang juga boleh diinterpretasikan sebagai “geng” atau “anggota geng”) membawa makna yang rendah dan menghina.

Confucius berkata, “Saya dengar bahawa orang yang terhormat tidak akan bergabung dengan geng (parti).” Dalam buku Analek (Lunyu), Confucius menjelaskan bahawa “orang-orang yang membantu antara satu sama lain untuk menyembunyikan kejahatan dan salah laku, mereka dikatakatakan membentuk geng (parti). Dalam kebudayaan Cina tradisional, klik politik biasanya dipanggil “Peng Dang” (klomplot jahat), mempunyai sinonim dengan erti kata “kumpulan gengster” dan dihubung-kaitkan dengan implikasi mengelompok dan membentuk geng untuk tujuan kepentingan peribadi.

Mengapa Parti Komunis dapat muncul dan akhirnya merebut kekuasaan di China? Parti Komunis China (PKC) tanpa henti telah menanamkan ke dalam fikiran orang-orang Cina bahawa sejarah telah memilih PKC, bahawa rakyat telah memilih PKC, dan bahawa “tanpa PKC maka tidak akan ada China baru”.

Apakah, memilih Parti Komunis atas keinginan rakyat China sendiri? Atau Parti Komunis yang memaksakan keinginan egois dan pandangan mereka kepada rakyat China? Kita mesti dapat temukan jawapannya dalam sejarah.

Sejak akhir Dinasti Qing sampai awal peringkat Republik China (1911-1949), China mengalami kejutan luar biasa daripada luar dan juga usaha untuk reformasi dalaman secara besar-besaran. Masyarakat berada dalam keadaan yang kacau-bilau dan pergelotan yang memilukan. Banyak intelektual dan orang-orang yang mulia dan bersemangat mempunyai hati untuk ingin menyelamatkan negara dan rakyat, tetapi di tengah-tengah krisis dan kekacauan negara, kesedaran dan kekhuatiran mereka bertukar daripada kekecewaan sehinggalah menjadi berputus asa sepenuhnya. Seperti orang sakit yang mencari doktor sebarang, mereka mencari jalan penyelesaian di luar China. Ketika cara Inggeris dan Perancis gagal, mereka berpaling kepada cara Rusia. Disebabkan ingin cepat membuahkan hasil, mereka tanpa ragu-ragu meramu ubat yang paling keras untuk penyakitnya, dengan harapan China dapat menjadi kuat dengan cepat.

Gerakan 4 Mei pada 1919 adalah merupakan cermin yang jelas daripada kekecewaan dan putus asa ini. Sebahagian orang memilih tindakan anarkis (tanpa kerajaan), sebahagian lain pula mengusulkan untuk membuang doktrin-doktrin Confucius, dan yang lainnya lagi menyarankan untuk memasukkan kebudayaan asing, pendek kata adalah menolak kebudayaan tradisional Cina, dan menentang doktrin Confucius yang mengambil jalan kesederhanaan; terlalu menginginkan jalan pintas, berpendirian memusnahkan segalanya yang bersifat tradisional. Di kalangan kelompok yang

bersifat radikal, mereka tidak mempunyai cara lain untuk menjalankan tugas negara, sebaliknya mereka percaya sepenuhnya pada pendapat dan keinginan mereka sendiri. Mereka merasakan dunia nyata ini tanpa harapan langsung, dan percaya bahwa hanya dengan diri sendiri barulah mereka dapat menemui cara yang benar bagi kunci perkembangan masa depan China, begitu berkobar-kobar sekali untuk melakukan revolusi dan kekerasan.

Peluang dan pengalaman yang berbeza membawakan kelompok-kelompok yang berlainan dalam teori, doktrin dan tindakan. Akhirnya sekelompok orang bertemu dengan penghubung Parti Komunis daripada Soviet Union. Idea “menggunakan kekerasan untuk merampas kekuasaan politik” daripada teori Marxisme-Leninisme, telah menarik perhatian mereka yang resah dan sesuai dengan cita-cita dan keinginan mereka untuk menyelamatkan negara dan rakyat. Maka mereka memperkenalkan Komunisme, suatu konsep yang sangat asing kepada negeri China kuno ini. Ada 13 orang wakil yang menghadiri kongres pertama PKC, selepas itu, sebahagian meninggal, sebahagian melarikan diri, sebahagian bekerja dengan Jepun dan menjadi pengkhianat, dan sebahagian keluar daripada PKC untuk menyertai Kuomintang (Parti Nasional, yang selanjutnya kita sebut KMT), menjadi pengkhianat ataupun oportunist. Pada tahun 1949 ketika PKC berkuasa, hanya Mao Zedong (Mao Tse Tung) dan Dong Biwu yang masih tinggal dalam 13 anggota parti itu. Tidak tahu sama ada pengasas-pengasas PKC pada waktu itu menyedari atau tidak, bahawa “dewa penyelamat” yang dikenalkan mereka daripada Soviet Union sebenarnya ialah suatu roh jahat, dan ubat yang didapatkan mereka untuk menguatkan negara sebenarnya ialah racun yang membawa maut.

Parti Komunis Rusia (Bolshevik, atau Parti Komunis Soviet Union) ketika itu yang baru saja memenangi revolusi terlalu bercita-cita pada China. Pada tahun 1920, Soviet Union mendirikan Biro Timur Jauh di Siberia, iaitu sebuah cabang daripada Komunis Antarabangsa Ketiga (Third Communist International, atau Comintern), bertanggungjawab untuk mengaturkan dan mengendalikannya penubuhan Parti Komunis di China dan di negara-negara lain. Ketua biro ialah Sumiltsky dan timbalannya Grigori Voitinsky. Dengan pantas, Grigori Voitinsky tiba di Beijing dan menghubungi barisan depan komunis Li Dazhao. Li mengatur pertemuan Voitinsky dengan pemimpin komunis yang lain, Chen Dixiu di Shanghai. Pada bulan Ogos 1920, Voitinsky, Chen Dixiu, Li Hanjun, Shen Xuanlu, Yu Xiusong, Shi Cuntong dan lain-lain memulai penubuhan PKC.

Pada Jun 1921, Zhang Tailei tiba di Irkutsk, Siberia, untuk menyerahkan usul cadangan penubuhan PKC sebagai cabang kepada Biro Timur Jauh, Comintern. Dan rancangan yang dipelankan menyatakan PKC, ialah suatu cawangan kepada kepemimpinan Comintern. Pada 23 Julai 1921, dengan bantuan Nikolsky dan Maring daripada Biro Timur Jauh, maka terbentuknya PKC secara rasmi.

Semenjak itu gerakan Komunis diperkenalkan kepada China secara ujian, dan sejak itu PKC meletakkan dirinya di atas segalanya, menakluki segalanya sehingga membawa bencana tanpa henti kepada China.

I. PKC Berkembang dengan Proses Menimbunkan Semua Kejahatan

Bukan tugas yang mudah untuk memperkenalkan dan memindah masuk Parti Komunis, suatu roh jahat, sesuatu yang sama sekali tidak sejalan dengan tradisi Cina, ke dalam negera yang mempunyai sejarah peradaban lebih 5,000 tahun. PKC mempergunakan Ideologi Kesamarataan Komunisme dan janji-janji palsu “Utopia Komunis” membohongi rakyat dan kaum intelektual negara, melangkah lebih jauh lagi dengan teori komunisme yang telah diputar-belitkan dengan teruk oleh Lenin, menjadikannya sebagai dasar untuk menghancurkan segala nilai tradisi yang tidak menguntungkan kekuasaannya, membasmi segala kelas sosial dan tokoh yang membahayakan kekuasaannya. PKC membawa pengaruh buruk yang besar kepada penghancuran kepercayaan beragama, lebih-lebih lagi kepada atheisme komunis. PKC melarang pemilikan peribadi, juga mengimport masuk teori revolusi

kekerasan Lenin. Pada masa yang sama, PKC meneruskan dan mengembangkan bahagian paling jahat dalam monarki China.

Sepanjang sejarah PKC, sejak penubuhan hingga perampasan kekuasaan, merupakan suatu proses ia menggumpulkan kejahatan secara beransur-ansur. Dalam proses perkembangannya ini, PKC bergantung kepada sembilan unsur yang diwariskan oleh roh jahat Komunis iaitu jahat, penipuan, penghasutan, gengsterisme, pengintipan, perampasan, penentangan, pelenyapan, dan pengawalan. Dalam sejarah permulaan PKC, sifat-sifat jahat ini diwariskan tanpa luput, malah diperkuat dan diperkembangkan lagi taktik dan tahap kejahatannya dalam krisis-krisis yang berkesinambungan.

Sifat Pertama Diwarisi: Jahat – Menggunakan Cara Kejahatan daripada Marxisme-Leninisme

Pada mulanya Komunis China tertarik pada pengisytiharan Marxisme “melancarkan revolusi dengan kekerasan untuk menghancurkan jentera negara lama dan mendirikan kekuasaan kaum murba (proletariat).” Ini sesungguhnya ialah akar kejahatan Marxisme dan Leninisme.

Teori materialisme daripada Marxisme berdasarkan konsep ekonomi yang sempit dalam tenaga pengeluaran, hubungan pengeluaran dan lebih nilai. Pada masa awal ketika kapitalisme belum begitu berkembang, Marx membuat ramalan jangka pendek bahawa kapitalisme akan hancur dan kaum proletariat akan menang, yang kini telah terbukti salah oleh realiti sejarah. Revolusi kekerasan kaum proletariat dan kediktatoran kaum proletariat daripada teori Marxisme-Leninisme mempromosikan kekuasaan politik dan dominasi kaum proletariat. Manifesto Komunis dengan konflik dan pertarungan kelasnya telah menyatakan dasar falsafah dan sejarah Parti Komunis.

Kaum proletariat memusnahkan nilai moral tradisional yang sedia ada dan hubungan sosial demi mendapatkan kekuasaan. Dengan demikian, sejak dari awal kemunculan doktrin Komunis, ia telah meletakkan dirinya bertentangan dengan semua tradisi.

Sifat manusia secara universal menolak kekerasan dalam bentuk apa jua pun. Kekerasan membuat orang menjadi kejam dan bersifat zalim. Oleh sebab itu, pada dasarnya manusia menolak teori kekerasan Parti Komunis. Teori tersebut belum pernah ada dalam mana-mana sistem doktrin, pemikiran, falsafah, atau tradisi. Asal-usulnya juga tiada, umpama lembaga keganasan yang jatuh di muka bumi entah dari mana.

Ideologi PKC adalah berdasarkan “manusia dapat menguasai alam dan mengubah dunia”. Parti Komunis menarik minat orang ramai dengan idea-ideanya tentang “pembebasan bagi semua umat manusia” dan “penyatuan dan kesamarataan dunia”. Mereka yang prihatin dengan keadaan manusia dan ingin membuat sumbangan pada masyarakat adalah yang paling senang ditipu PKC, sehinggakan orang-orang ini lupa akan kewujudan Tuhan. Menjadi inspirasi dan keliru dengan konsep indah “membangunkan syurga di muka bumi”, mereka memandang hina tradisi dan memandang rendah pada nyawa orang lain dan malah memandang rendah diri mereka sendiri.

Parti Komunis mengemukakan fantasi “syurga Komunis” sebagai suatu kebenaran, dan dengan ghairah memanggil orang ramai untuk memperjuangkannya: “Dengan sebab menciptakan yang baru, ada dunia yang lebih baik dilahirkan”.^[1] PKC menggunakan idea yang mutlak dan tidak masuk akal untuk memutuskan hubungan antara umat manusia dengan alam syurga, memutuskan hubungan mereka dengan nenek moyang dan tradisi kaum mereka, menyerukan rakyat agar menyerahkan hidup kepada komunis, bagi menampung tenaga PKC untuk membunuh.

Sifat Kedua Diwarisi: Penipuan- Kejahatan perlu Berbohong bagi Berpura-pura Menjadi Mulia

Jahat maka harus menipu. Bagi mempergunakan kelas pekerja, PKC menganugerah kaum buruh dengan sebutan “kelas yang paling maju”, “kelas yang tidak egois”, “kelas paling depan” dan “perintis bagi revolusi kaum proletariat”. Ketika Parti Komunis memerlukan para petani, Parti Komunis menjanjikan “tanah bagi petani”. Mao “menyanjung” petani dengan mengatakan, “Tanpa petani yang miskin maka tidak akan ada revolusi, menafikan peranan mereka juga adalah menafikan revolusi.” [2] Ketika Parti Komunis memerlukan bantuan daripada kaum kapitalis, parti ini juga menyebutkan mereka sebagai “golongan yang sejalan dalam revolusi kaum proletariat” dan menjanjikan mereka “republik dan demokratik”. Ketika Parti Komunis hampir lenyap dibasmi oleh KMT, mereka berteriak dengan lantang, “Orang China tidak bertempur sesama orang China.” Namun apa yang terjadi? Sebaik sahaja perang anti-Jepun berakhir, PKC menggunakan seluruh kekuatannya untuk melawan KMT dan menumbangkan pemerintahannya. Sejak berkuasa, PKC juga menghapuskan kaum kapitalis, dan pada akhirnya mengubah kaum petani dan buruh menjadi “kaum proletariat yang tidak mempunyai apa-apa langsung. Konsep bagi “barisan penyatuan perang” ialah satu contoh penipuan tipikal yang dilakukan oleh PKC. Agar dapat memenangi perang saudara dengan KMT, PKC mengubah taktik lalunya yang membunuh tanpa belas kasih seluruh keluarga tuan tanah dan petani kaya, lantas memulakan taktik barunya menerima “strategi barisan penyatuan perang sementara” dengan musuh-musuhnya, ini termasuklah kaum pemilik tanah (kaum feodal) dan petani kaya. Pada 20 Julai 1947, Mao Zedong mengumumkan bahawa “Melainkan bagi reaksionist yang amat sedikit bilangannya, kita harus lebih lembut kepada kelas tuan tanah...untuk mengurangkan bilangan unsur musuh.” Tetapi setelah PKC merampas kekuasaan, para pemilik tanah dan petani kaya tidak terlepas dari nasib pembunuhan beramai-ramai.

Mengatakan suatu hal dan melakukan sebaliknya adalah hal yang biasa bagi PKC. Ketika PKC memerlukan barisan parti demokratik, PKC mengutarakan bahawa kedua-dua pihak seharusnya “berjuang demi kewujudan bersama untuk jangka masa panjang, menjalankan penyeliaan bersama, tulus antara satu sama lain, dan berkongsi dalam kehormatan dan kegagalan”. Tetapi setelah berkuasa pada 1949, PKC melenyapkan semua orang yang menyuarakan demokrasi, melabelkan mereka sebagai sayap kanan anti-parti. Orang yang tidak bersetuju atau menolak untuk mengikuti konsep, kata-kata, tindakan atau organisasi parti, justeru semua dlenyapkan. Pemimpin Marx, Lenin dan PKC pernah menegaskan bahawa, kekuasaan politik Parti Komunis tidak akan berkongsi dengan kelompok atau individu mana-mana pun. Sejak dari awal Komunis dengan jelas membawa sifat warisan kediktatoran. PKC adalah bersifat kuku besi dan eksklusif. PKC tidak pernah berkelakuan tulus dengan kelompok, pertubuhan atau parti politik yang lain, bahkan pada masa yang disebut peringkat “tenang”, hubungan PKC dengan kelompok-kelompok yang lain hanyalah berpura-pura sahaja.

Pengajaran sejarah membuktikan kepada kita bahawa sebarang janji yang dibuat PKC tidak boleh dipercayai, dan juga sebarang jaminan pun tidak akan ditunaikan. Sesiapa yang percaya dengan mana-mana kata-kata PKC, di situlah nyawanya diragut.

Sifat Ketiga Diwarisi: Penghasutan- Arif dalam Mencipta Dendam dan Menghasut Pertarungan Antara Kelompok-kelompok

Penipuan digunakan untuk menghasut kebencian. Pertikaian semestinya ada kebencian. Jika tiada kebencian, maka diciptakan.

Sistem pertanahan suku kaum yang berakar umbi di daerah desa China menjadi halangan utama bagi penubuhan kekuasaan politik Parti Komunis. Masyarakat desa pada asalnya cukup harmonis, dan hubungan antara tuan tanah dan penyewa tidak sepenuhnya bertentangan. Pemilik tanah

mengendalikan dan menyewakan tanah kepada petani manakala petani bekerja di tanah itu dan membayar sewa. Dengan kata lain, pemilik tanah memberikan saranan bagi petani untuk hidup dan petani mendukung pemilik tanah.

Hubungan saling bergantung ini telah diputar-belitkan oleh PKC menjadi pertentangan kelas dan eksploitasi kelas secara melampau. Keharmonian diubahkan menjadi permusuhan, kebencian dan pertikaian; perkara yang rasional menjadi tidak rasional, hal yang berperaturan dibuat menjadi kekacauan dan republik dibuat menjadi autoritarian. Parti Komunis mendorong rakyat untuk merampas dan membunuh pemilik tanah, petani kaya dan keluarga mereka. Banyak petani yang tidak mahu mengambil barang milik orang lain. Sebahagian daripada mereka mengembalikannya pada malam hari apa yang telah diambil mereka pada siang hari daripada pemilik tanah, tetapi mereka dikritik oleh pasukan kerja desa PKC dengan sebutan “kesedaran kelas yang rendah”.

Untuk menghasut kebencian dan dendam antara kelompok-kelompok, PKC menjadikan panggung pertunjukan China sebagai alat propaganda. Sebuah cerita terkenal PKC tentang eksploitasi kelas, “Gadis Berambut Putih” [3], yang asalnya ialah cerita tentang seorang dewi dan tidak ada hubungannya dengan pertentangan kelas, di bawah barisan penulisan militer, diubah menjadi sebuah drama, opera dan balet moden yang digunakan untuk menghasut kebencian antara kelompok-kelompok. Ketika Jepun mencero bohi China, PKC tidak melawan Jepun, malahan menyerang pemerintahan KMT dengan tuduhan “mengkhianati negara dan tidak melawan Jepun”, malahan di saat-saat berlakunya krisis negara PKC menghasut rakyat untuk melawan pemerintahan KMT.

Menghasut kelompok-kelompok untuk menentang dan membunuh antara satu sama lain ialah taktik penipuan klasik daripada gerakan PKC. PKC menciptakan rumus 95%:5% daripada itu. Iaitu: 95% daripada populasi dijadikan dan dikelompokkan sebagai kelas yang dapat selamat daripada gerakan, sementara 5% bakinya ditempatkan sebagai kelompok kelas musuh. Orang yang berada dalam 95% aman, tetapi yang dimasukkan dalam 5% diperangi. Disebabkan ketakutan dan ingin melindungi diri mereka sendiri, orang kebanyakan cuba sedaya upaya untuk memasuki ke dalam kelompok 95%. Lantaran itu menyebabkan banyak kes yang orang ramai saling mencederai dan mengkhianati antara satu sama lain. PKC kemudiannya menggunakan secara menyeluruh dan memperkembangkan taktik ini dalam siri-siri gerakan politiknya.

Sifat Keempat Diwarisi: Gengsterisme- Gengster dan Sampah Masyarakat Berpangkat di PKC

Berwatak gengster adalah jahat, jika hendak jahat maka hendak berwatak gengster. Revolusi yang dilancarkan komunis sering menggunakan gengster, pemberontak dan sampah masyarakat. Contohnya dalam “Komun Paris”, sebenarnya hanya melibatkan pembunuhan, pembakaran, dan keganasan yang dilakukan oleh gengster dan sampah masyarakat. Bahkan Marx pun memandang hina terhadap “kaum proletariat gengster” [4] ini. Dalam “Manifesto Komunis” Marx berkata, “Kaum proletariat gengster ialah bahagian paling bawah dalam masyarakat lama yang paling pasif dan luput, namun mereka digunakan dan dimasukkan ke dalam gerakan revolusi kaum proletariat. Disebabkan keadaan kehidupannya, mereka mahu dibeli dan biasa dipergunakan untuk komplot reaksionist.” Daripada segi lain, Marx dan Engels menganggap sifat semulajadi petani yang mudah dipecah-belahkan dan sifat kedunguan mereka, maka tidak mempunyai kelayakan untuk disebutkan sebagai kelas apa-apa pun.

PKC mengembangkan lebih lanjut bahagian gelap daripada Teori Marxisme. Mao Zedong berkata, “Gengster dan sampah masyarakat sejak dahulunya merupakan kelompok yang dihina oleh masyarakat, tetapi sesungguhnya mereka adalah yang paling berani, paling menyeluruh dan paling teguh dalam revolusi di daerah desa.” Kaum proletariat gengster telah memperkuat keganasan PKC, dan telah membangunkan rejim pedesaan Soviet awal. Kata “revolusi” dalam bahasa Mandarin yang

diuraikan ertinya satu per satu adalah “meragut nyawa” atau “mengambil nyawa”. Meskipun PKC dapat menerapkannya “revolusi” dalam logik bahasanya sebagai pengertian yang “positif”, itu saja telah menakutkan dan menjadi bencana bagi orang baik. Demikian juga, dalam perbincangan tentang penggunaan istilah “kaum proletariat gelandangan” semasa Revolusi Kebudayaan, PKC merasa “gelandangan” kedengaran tidak baik, maka PKC memendekkannya menjadi “kaum proletariat” saja.

Perilaku gengster adalah hendak berwatakan jahat dan bertindak secara kejam. Ketika dikritik kerana kediktatoran mereka, pegawai parti cenderung untuk merendahkan orang dan tanpa malu mengeluarkan kenyataan seperti, “Encik-encik yang digemari sekalian, kamu benar, itulah yang kami lakukan. Pengalaman orang Cina selama beberapa dekad yang lalu mengharuskan kami untuk menjalankan kekuasaan demokrasi dengan diktator, kami memanggil itu ‘kediktatoran demokrasi rakyat’ ”.

Sifat Kelima Diwarisi: Pengintipan– Penyusupan, Penyemaian Pertelingkahan, Penghapus dan Penggantian

Tidak cukup dengan penipuan, penghasutan dan berwatakan gengster, taktik pengintipan dan penyemaian perselisihan juga digunakan. PKC terlalu cekap dalam penyusupan. Beberapa dekad lalu, “tiga kedudukan teratas” agen pengintipan PKC ialah Qian Zhuangfei, Li Kenong dan Hu Beifeng, yang bekerja untuk Chen Geng, pengurus Cabang Pengintipan Kedua bagi Jawatankuasa Pusat PKC. Ketika Qian Zhuangfei bekerja sebagai setiausaha rahsia dan pembantu sulit kepada Xu Enzeng, yang merupakan Pengarah bagi Pejabat Penyiasatan KMT, Qian menggunakan sistem penyuratan internal dalam organisasi KMT untuk menulis dua pucuk surat yang mengandungi maklumat rahsia tentang rancangan strategi pertama dan kedua KMT untuk mengepung daerah Jiangxi. Surat ini diserahkan kepada Zhou Enlai (juga disebut Chou En-lai) melalui Li Kenong [5]. Pada April 1930, sebuah organisasi agen bermuka dua yang dibiayai oleh Cabang daripada Penyiasatan Pusat KMT didirikan di daerah Timur Laut China. Secara terang di permukaan dimiliki oleh KMT dan dikelola oleh Qian Zhuangfei, tetapi secara gelap dikuasai oleh PKC di sebalik tabir dan dipimpin oleh Chen Geng.

Li Kenong pernah menyusup ke dalam Pusat Tentera KMT sebagai seorang pemecah kod (kriptograf). Li ialah orang yang memecahkan kod maklumat berhubungan dengan pemberontakan Gu Shunzhang [6] dan penahanannya oleh KMT, yang sebenarnya merupakan seorang Pengarah Biro Keselamatan PKC. Qian Zhuangfei segera mengirim pesanan yang telah dipecahkan ini kepada Zhou Enlai, maka semua pengintip terselamat daripada ditangkap.

Yang Dengying, yang pro-Komunis, ialah seorang pegawai khusus daripada Pejabat Penyiasatan KMT di Shanghai. PKC membiarkannya menangkap dan menghukum orang-orang yang PKC menganggap tidak boleh dipercayai. Seorang pegawai senior PKC daripada daerah Henan suatu kali menyinggung perasaan suatu kader parti PKC, maka orang PKC sendiri memenjarakannya ke dalam penjara KMT selama beberapa tahun.

Semasa Perang Pembebasan [7], agen rahsia PKC menyusup seorang pengintip di mana Chiang Kai-shek (juga disebut Jiang Jieshi) [8] amat mempercayainya. Leftenan jeneral Liu Fei, Timbalan Menteri bagi Jabatan Pertahanan yang bertanggungjawab untuk menghantar bala tentera KMT. Sebenarnya Liu ialah agen rahsia PKC. Sebelum tentera KMT mengetahui tugas mereka berikutnya, maklumat tentang rancangan ketenteraan, telah sampai ke pusat PKC di Yan’an, lalu Parti Komunis akan mengatur strategi pertahanan yang diperlunya. Rancangan Hu Zongnan [9] untuk menyerang Yan’an diungkapkan kepada Zhou Enlai oleh Xiong Xianghui, yang tidak diduga adalah merupakan setiausaha dan pembantu sulit bagi Hu Zongnan. Sehingga sesampainya di Yan’an, Hu Zongnan dan tenteranya hanya menemui suatu Bandar kosong. Zhou Enlai pernah berkata, “Ketua Mao sudah tahu perintah militer yang dikeluarkan oleh Chiang Kai-shek, sebelum sampai kepada pemimpin tentera Chiang itu sendiri.”

Sifat Keenam Diwarisi: Perampasan– Perampasan Dengan Muslihat dan Kekerasan Menjadi “Peraturan Baru”

Segala yang dimiliki oleh PKC adalah hasil perompakan. Ketika PKC mendirikan Tentera Merah untuk membangun kekuasaannya melalui kekuatan militer, mereka memerlukan wang untuk senjata dan kelengkapan, makanan dan pakaian. Justeru PKC melakukan “pengutipan dana” dalam bentuk penekanan terhadap penjahat setempat yang kaya dan merompak bank, berperilaku seperti penyamun. Lalu “pengutipan dana” ini menjadi salah satu daripada tugas utama Tentera Merah yang dipimpin oleh Li Xiannian [10], seorang pemimpin senior PKC; Tentera Merah menculik anggota keluarga kaya di daerah barat daerah Hubei. Mereka tidak hanya menculik satu orang, tetapi satu orang daripada setiap keluarga kaya di daerah itu. Mereka yang diculik dibiarkan hidup agar dapat ditebus secara berterusan oleh keluarga mereka sehingga menjadi sokongan dana bagi tentera. Setelah Tentera Merah puas atau keluarga daripada yang diculik telah kehabisan hartanya, barulah tahanan dilepaskan dalam keadaan tenat. Sebahagian bahkan telah meninggal akibat ketakutan sebelum dikembalikan kepada keluarga mereka.

Melalui “penindasan terhadap penjahat setempat dan penyitaan tanah mereka”, PKC mengembangkan perampasan dengan muslihat dan kekerasannya kepada seluruh masyarakat, menggantikan tradisi dengan “peraturan baru”. Parti Komunis telah melakukan segala perbuatan kejahatan tidak kira besar mahupun kecil dan tidak melakukan kebaikan sama sekali. PKC menawarkan sedikit kebaikan kepada pihak lain agar dapat dihasut dan menghasilkan konflik dengan yang lain. Akibatnya, belas kasih dan kebaikan hilang sama sekali, dan digantikan dengan perselisihan dan pembunuhan. “Kesamarataan komunis” sebenarnya adalah kata penghias bagi topeng pertarungan serta keganasan.

Sifat Ketujuh Diwarisi : Pertentangan – Pemusnahan Peraturan Tradisional Sistem Nasional

Penipuan, penghasutan, melepaskan sampah masyarakat, dan pengintipan semuanya bertujuan untuk perompakan dan pertentangan. Falsafah bagi komunis adalah merupakan falsafah pertarungan. Revolusi Komunis bukanlah pertentangan, perosakan dan perampasan yang tanpa organisasi. Parti mengatakan, “Sasaran utama serangan petani ialah penjahat setempat, bangsawan jahat, dan juga pemilik tanah tidak sah, dan bersamaan itu juga menjatuhkan semua pemikiran dan sistem peraturan institusi yang sedia ada, melawan semua pegawai yang rasuah di kota-kota dan melawan semua tabiat buruk dan adat di daerah desa.” [2] Ini telah menyatakan terang-terang usaha yang dilancarkan rejim PKC untuk memusnahkan sistem tradisional dan adat istiadat di daerah desa.

Pertentangan komunis malahan meliputi pertempuran ketenteraan dan pertarungan dengan senjata. “Revolusi bukannya pesta makan malam, bukan menulis artikel, bukan melukis atau menyulam; tidak dapat dilakukan dengan halus, begitu lemah lembut, begitu tenang, baik dan ramah, menahan diri dan murah hati. Revolusi ialah pemberontakan, tindakan kekerasan suatu kelas sosial menjatuhkan kelas sosial yang lain”. [2] Pertempuran diperlukan dalam perebutan kekuasaan. Beberapa dekad selanjutnya, PKC menggunakan sifat pertentangan yang sama untuk “mendidik” generasi berikutnya semasa dalam Revolusi Kebudayaan.

Sifat Kelapan Diwarisi: Pelenyapan – Menciptakan Sistem Teori Pembunuhan Beramai-ramai yang Lengkap

Komunisme telah melakukan banyak hal dengan cara yang sangat kejam. PKC menjanjikan “syurga di atas bumi” kepada kaum intelektual, tetapi kemudiannya menyebut mereka sebagai “sayap kanan”, dan melabelkan dan menganiayai mereka sebagai kelompok “9 kategori” [11]. Perkara-perkara yang

dilakukan PKC, seperti merampas hak kaum kapitalis akan pemilikan harta peribadi mereka, melenyapkan tuan tanah yang kaya, memusnahkan peraturan dan adat di daerah desa, merampas kekuasaan daerah tempatan, menculik dan meminta tebusan daripada orang kaya, mencuci otak tahanan-tahanan perang, “mereformasi” kaum peniaga dan kapitalis, menyusupi ke KMT dan mencerai-beraikannya, melepaskan diri daripada Komunis Antarabangsa dan mengkhianatinya, melakukan gerakan-gerakan pembersihan politik terhadap suara penentangan setelah memegang kekuasaan pada 1949, dan mengancam anggota sendiri dengan paksaan dan tekanan tinggi, semuanya itu dilakukan dengan tuntas dan kejam.

Semua yang disebutkan tadi, semuanya adalah berdasarkan teori pembunuhan beramai-ramai PKC. Setiap gerakan politiknya pada masa lalu merupakan kempen keganasan dengan tujuan pembunuhan beramai-ramai. Sejak awal lagi, PKC telahpun mula membangunkan sistem teori pembunuhan beramai-ramainya yang lengkap dengan gabungan daripada teori kelas, teori revolusi, teori pertentangan, teori kekerasan, teori kediktatoran, teori gerakan dan teori parti politik, semuanya melampaui segala pengalaman pembunuhan beramai-ramai yang dilaluinya.

Ciri khas yang paling penting dalam pembunuhan beramai-ramai PKC ialah pelenyapan pemikiran dan kesedaran naluri mulia peribadi. Ini sepadan dengan kepentingan asas kumpulan PKC dengan cara pemerintahan melalui ketakutan. PKC tidak hanya menghapuskan anda jika anda melawannya, tetapi juga mungkin menghapuskan anda walaupun anda berpihak padanya. PKC akan melenyapkan sesiapa saja yang dianggap patut dilenyapkan. Dengan begitu, semua orang akan hidup dalam bayang-bayang keganasan dan ketakutan terhadap krisis PKC yang akan bakal menjelang.

Sifat Kesembilan Diwarisi: Pengawalan – Menggunakan Sifat-sifat Parti untuk Mengawal Seluruh Parti dan Segenap Masyarakat

Semua sifat diwarisi ini bertujuan untuk mencapai satu matlamat yang sama: untuk mengawal rakyat dengan menggunakan tekanan keganasan. Kejahatan dan keiblisian PKC telah menjadikan dirinya sebagai musuh semulajadi kepada semua kekuatan social yang ada. Sejak hari pendiriannya, PKC telah berjuang melalui krisis demi krisis, dengan puncak kritikalnya ialah krisis kewujudan dan kelangsungan hidupnya. Kewujudannya adalah merupakan ketakutan, keadaan krisis buat selamanya. Perasaan takut dalam krisis menjadi kepentingan yang paling utama PKC — dengan bersusah payah mempertahankan kewujudan dan kekuasaannya. PKC terpaksa memperbaharui penampilannya dan bertindak lebih jahat lagi bagi memenuhi tenaga yang semakin berkurangan.

Kepentingan parti bukanlah kepentingan individu parti, juga bukan kepentingan kesemua individu secara keseluruhan, tetapi merupakan kepentingan kumpulan parti bersama yang sememangnya mengatasi apa jua individu.

“Sifat-sifat parti” ialah sifat-sifat yang paling keji daripada roh jahat ini. Sifat-sifat parti sedemikian telah menghakis sifat hakiki manusia sampai menguasai sepenuh jiwa manusia berubah bentuk menjadi bukan manusia. Misalnya, Zhou Enlai dan Sun Bingwen dulunya merupakan teman baik. Setelah Sun Bingwen meninggal, Zhou Enlai menjadikan anak perempuannya, Sun Weishi sebagai anak angkat. Semasa Revolusi Kebudayaan, Sun Weishi terkena kecaman dan kemudian ditangkap. Dia meninggal dalam penahanan dan keluarganya mendapati terdapat paku panjang yang dicucuk ke dalam kepalanya. Rupa-rupanya, surat penangkapan ditandatangani oleh si ayah angkatnya, Zhou Enlai.

Salah satu pemimpin pada masa awal PKC ialah Ren Bishi, yang bertanggungjawab untuk perdagangan candu (opium) semasa perang anti-Jepun. Pada waktu itu, candu ialah simbol kepada serangan dan pencerobohan asing. Inggeris menggunakan pengimportan candu China untuk meluluhkan ekonomi China dan menjadikan orang Cina ketagihan. Walaupun adanya sentimen yang

kuat bagi penolakan secara nasional terhadap candu, Ren berani menjalankan penanaman candu dalam kawasan yang luas, dengan risiko dikutuk seluruh bangsa, sememangnya memerlukan sifat-sifat parti. Disebabkan tidak sah dan juga sensitif bagi perdagangan candu, PKC menggunakan kata “sabun” sebagai bahasa gantian kepada “candu”. PKC menggunakan pendapatan daripada perdagangan gelap candu dengan negara jirannya untuk menabung kewujudannya.

Pada peringatan ulang tahun Ren yang ke-100, salah satu daripada pemimpin China generasi baru menyanjung dan memuji sifat-sifat parti yang ditunjukkan Ren dengan mengatakan, “Ren mempunyai sifat yang unggul dan dia ialah seorang model kepada anggota parti. Dia juga mempunyai kepercayaan yang mendalam terhadap Komunisme dan mempunyai kesetiaan tak terbatas terhadap Parti.”

Contoh lain bagi model sifat parti ialah Zhang Side. Parti mengatakan bahawa dia terbunuh disebabkan runtuhnya tempat pembakaran tanur batu kapur, tetapi desas desus di kalangan rakyat mengatakan bahawa dia tewas ketika memanggag candu. Disebabkan dia secara diam-diam bertugas di Bahagian Keselamatan Pusat dan tidak pernah minta dipromosikan, PKC memberi anugerah “kematian yang lebih berat daripada gunung Taishan” [12] kepadanya, yang ertinya nyawanya sangat penting. Lei Feng, seorang lagi model tipikal sifat parti yang terkenal dengan “skru yang tidak pernah berkarat dalam mesin revolusi”. Untuk suatu jangka waktu yang lama, kedua-dua Lei dan Zhang telah dijadikan sebagai contoh untuk mendidik seluruh rakyat China agar setia terhadap parti. Mao Zedong berkata, “Kuasa teladan adalah tidak terbatas.” Banyak “wira-wira” parti digunakan sebagai model dengan sebutan “semangat besi dan sifat-sifat parti”.

Sejak memegang kekuasaan, PKC melancarkan kempen-kempen yang agresif untuk mengawal cara berfikir dan membentuk generasi berikutnya menjadi “alat” dan “skru” parti. Sifat parti diperkuatkan menjadi corak pemikiran yang hanya satu, sama dan dungu, seterusnya membentuk “fikiran yang benar” dan satu set perilaku yang dianggap benar. Protokol ini pada awalnya hanya digunakan dalam parti, tetapi dengan cepat dikembangkan ke seluruh rakyat. Diselubungi atas nama negara, corak pemikiran mengikut sifat parti ini dijalankan untuk mencuci otak rakyatnya agar tunduk dan sefahaman dengan sistem kejahatan PKC.

II. Sejarah Pendirian PKC yang Memalukan

Parti Komunis China mendakwa mempunyai sejarah yang megah, berjalan daripada satu kemenangan menuju kemenangan berikutnya. Ini adalah merupakan usaha bagi mendapatkan kesahihan kekuasaan. Namun, pada hakikatnya pendirian PKC dikatakan tidak mempunyai kemegahan dan kehormatan sama sekali. Hanyalah bergantung kepada sembilan sifat gen yang diwarisi, iaitu jahat, penipuan, penghasutan, gengsterisme, pengintipan, perampasan, pertentangan, pelenyapan dan pengawalan, baru dapat merampas tampuk pemerintahan.

Pendirian PKC – Dibesarkan daripada penyusuan Soviet Union

“Meriam Revolusi Oktober berdentum, membawakan kami Marxisme dan Leninisme”. Itulah bagaimana PKC mencerminkan dirinya dan mendidik rakyatnya. Pada hakikatnya, pada awal pendirian PKC, merupakan cabang Asia kepada Soviet Union. Sejak dari mula sudah pun menjadi pengkhianat penjual bangsa.

Semasa awal pendiriannya, PKC tidak mempunyai wang, tidak mempunyai teori dan ideologi mahupun pengalaman, lebih-lebih lagi mereka tidak bertulang belakang, dan tanpa sokongan dasar. PKC bergabung dengan Comintern adalah untuk ikut serta dan menyandarkan diri pada revolusi kekerasan. Revolusi kekerasan PKC adalah warisan turun-temurun daripada revolusi kekerasan Marx dan Lenin. Comintern adalah merupakan pusat komando bagi penggulingan kekuasaan pemerintahan

negara-negara di dunia. PKC hanyalah cabang Asia Timur daripada Komunis Soviet yang menjalankan imperialisme Tentera Merah Rusia. PKC bersandar pada kematangan Komunis Soviet dalam perebutan kekuasaan secara kekerasan, dan juga pengalaman, garis dan jalur politik, pemikiran dan organisasi dalam kediktatoran proletariat, lalu mematuhi perintah Komunis Soviet, meniru cara organisasi bawah tanah, justeru melaksanakan pengawasan dan pengawalan yang ketat. Soviet Union ialah tulang belakang dan pembimbing bagi PKC.

Perlembagaan parti yang disetujui dalam persidangan pertama PKC ditetapkan oleh Komunis Antarabangsa (Comintern), adalah berdasarkan pemikiran Marx dan Lenin, pertentangan kelas, kediktatoran proletariat dan teori pembinaan parti, yang utamanya menyandarkan dasar Parti Komunis Soviet. Jiwa PKC berpijak pada ideologi yang diimport daripada Soviet Union. Chen Duxiu, salah seorang pemimpin penting PKC, pernah mempunyai perbezaan pendapat dengan wakil daripada Komunis Antarabangsa, Maring. Maring menulis memo kepada Chen menyatakan bahawa jika Chen adalah betul anggota Parti Komunis, dia harus mematuhi perintah daripada Comintern. Walaupun Chen Duxiu ialah bapa pendirian PKC, dia tidak boleh berbuat apa jua tetapi dengar dan mengikut perintah, menjadi hamba dan bawahan kepada Soviet Union.

Pada Persidangan PKC ketiga 1923, Chen Duxiu mengakui secara terbuka bahawa parti didanai sepenuhnya oleh Comintern. Dalam satu tahun yang sebelumnya, Comintern menyumbangkan lebih 200,000 yuan kepada PKC, namun keputusannya adalah tidak memuaskan, Comintern menuduh PKC tidak gigih dalam usaha mereka.

Menurut statistik tidak lengkap daripada satu dokumen rahsia PKC, hanya dari bulan Oktober 1921 hingga Jun 1922, PKC menerima 16,655 yuan. Pada tahun 1924 PKC menerima US\$1,500 dan 31,927.17 yuan, dan pada tahun 1927 menerima 187,674 yuan. Secara purata penyumbangan Comintern per bulan adalah dalam lingkungan 20,000 yuan. Taktik yang digunakan oleh PKC sekarang, seperti hipokrit dalam menjalinkan hubungan, mengikut pintu belakang, berkomplot, menawarkan suap, sehinggalah menggunakan ancaman, telah lama dilakukan sejak dari dulu.

Comintern pernah mengkritik secara serius perbuatan PKC yang tidak henti-hentinya meminta wang. “Mereka memanfaatkan sumber-sumber dana yang berbeza seperti Pejabat Komunikasi Antarabangsa, wakil daripada Comintern, dan organisasi militer yang lain dan sebagainya untuk memperoleh dana, hal ini dapat terjadi kerana sesuatu sumber dana itu tidak tahu bahawa sumber yang lain telah memberikan wang kepada PKC. Hal yang lucu adalah, mereka bukan sahaja amat memahami psikologi komrad Soviet. Yang lebih penting, mereka tahu melayan komrad yang bertanggungjawab dalam pengagihan dana. Sekiranya mereka tidak boleh mendapatkannya dalam cara yang normal, maka mereka akan mengaturkan pertemuan, kemudian pada akhirnya mereka menggunakan cara keji, seperti menyebarkan gosip bahawa pegawai mempunyai konflik dengan Soviet, dan dananya malahan diberikan kepada militer, bukannya kepada PKC.” [13]

Kerjasama KMT dan PKC Pertama – Parasit Menyusup ke dalam Teras, dan Mensabotaj Ekspedisi Utara [14]

PKC selalu mendidik rakyat bahawa Chiang Kai-shek telah mengkhianati gerakan Revolusi Nasional [15], sehingga memaksa PKC untuk mengangkat senjata dan memberontak.

Pada hakikatnya, PKC bekerjasama dengan KMT buat kali pertama hanyalah untuk bertindak seperti parasit yang merasuk ke dalam Revolusi Nasional dan memperluaskan pengaruhnya. Lebih-lebih lagi, PKC sangat ghairah untuk merampas kuasa dan melancarkan revolusi Soviet, yang sebenarnya, telah merosakkan dan mengkhianati gerakan Revolusi Nasional.

Pada persidangan perwakilan PKC kedua yang diadakan pada Julai 1922, mereka yang menentang hubungan kerjasama dengan KMT telah mendominasi persidangan ini, kerana anggota persidangan terlalu ghairah dan cemas untuk merampas kekuasaan. Tetapi Comintern yang mengawal di sebalik layar memveto resolusi yang dicapai dalam persidangan tersebut dan memerintahkan PKC untuk bergabung dengan KMT.

Sewaktu kerjasama KMT-PKC yang pertama, PKC mengadakan persidangan perwakilan nasional ke-4 di Shanghai pada Januari 1925, pada masa itu, jumlah ahlinya mencapai 994 orang, telah mengajukan persoalan kuasa pimpinan China. PKC sudahpun mengajukan masalah tampuk kekuasaan sebelum Sun Yat-Sen [16] meninggal, jika Sun Yat-sen belum meninggal, sasaran perebutan kekuasaan tentunya bukanlah Chiang Kai-shek.

Dengan dukungan Soviet Union, PKC banyak meraih kekuasaan politik sewaktu dalam kerjasama dengan KMT. Tang Pingshan (1886-1956, satu daripada pemimpin awal PKC di daerah Guangdong) menjadi menteri di Jabatan Personel Pusat dalam KMT. Feng Jupou (1899-1954, satu daripada pemimpin awal PKC di daerah Guangdong), menjadi setiausaha bagi Kementerian Sumber Manusia, diberi kekuasaan penuh untuk menangani semua urusan yang berkenaan dengan tenaga pekerjaan. Lin Zuhuan (atau Lin Boqu, 1886-1960, pemimpin awal PKC) menjadi Menteri Urusan Pedesaan, dengan juga Peng Pai (1896-1929, pemimpin PKC) menjadi setiausahanya dalam kementerian ini. Mao Zedong mengambil kedudukan sebagai penasihat Kementerian Propaganda KMT. Sekolah-sekolah militer dan kuasa pemerintahan militer selama ini menjadi fokus kepada PKC: Zhou Enlai memegang kedudukan sebagai Pengarah Jabatan Politik bagi Akademik Militer Huangpu (Whampoa), dan Zhang Shenfu (atau Zhang Songnian, 1893-1986, pemimpin awal PKC yang membawa Zhou Enlai masuk PKC) adalah merupakan pembantu kanannya. Zhou Enlai adalah juga merupakan Ketua Seksyen Kehakiman dan Hukuman Militer, lantas dia menempatkan penasihat-penasihat militer Rusia di merata tempat. Banyak anggota komunis yang memegang jawatan sebagai ahli pengajar politik dalam sekolah militer KMT, juga menjadi wakil kepada KMT dalam pelbagai peringkat dalam Tentera Revolusi Nasional [17], dan menetapkan bahawa tanpa tandatangan wakil parti, maka segala perintah dianggap tidak sah. Akibat perasukan secara parasit semacam ini pada gerakan Revolusi Nasional menyebabkan anggota PKC yang kurang daripada 1000 pada tahun 1925, bertambah mendadak kepada 30,000 pada tahun 1928.

Ekspedisi Utara bermula pada Februari 1926. Namun, dari Oktober 1926 hingga Mac 1927, PKC melancarkan tiga pemberontakan bersenjata di Shanghai, lalu menyerang pusat militer Ekspedisi Utara yang kemudiannya digagalkan oleh tentera Ekspedisi Utara. Zhou Enlai yang menggunakan nama samaran lain Wu Hao, tertangkap dan kemudian dibebaskan setelah mengeluarkan surat pertaubatan dan mengakui kesalahannya. Penjaga ketertiban umum daerah Guangdong sentiasa melakukan konflik keganasan dengan polis, maka KMT menambahkan bilangan tenteranya untuk melakukan patrol dengan kerap dan juga menghantar agen rahsia untuk mengawasi orang-orang yang melakukan hasutan. Kekacauan ini seterusnya menyebabkan KMT melakukan pembersihan terhadap PKC pada 12 April 1927 [18].

Pada Ogos 1927, anggota PKC dalam Tentera Revolusi KMT melancarkan Pemberontakan Nanchang, yang dengan cepat digagalkan. Pada bulan September, PKC melancarkan “Pemberontakan Penuaian Musim Luruh” untuk menyerang Changsha, tetapi serangan ini juga dapat ditubangkan. PKC lalu mulai mengimplementasikan jaringan kawalan yang disebut “Cabang parti didirikan di peringkat kompeni dalam tentera” dan kemudian melarikan diri ke kawasan pergunungan Jinggangshan di daerah Jiangxi [19], mendirikan kekuasaan pemerintahan di desa sana.

Pemberontakan Petani-petani Hunan – Menghasut gengster untuk memberontak

Semasa Ekspedisi Utara, Tentera Revolusi Nasional berperang melawan panglima-panglima perang setempat, namun sementara itu, PKC melakukan pemberontakan-pemberontakan di daerah desa dalam usaha meraih kekuasaan.

Pemberontakan Petani Hunan pada tahun 1927 adalah merupakan rusuhan yang dilakukan oleh kumpulan gengster dan sampah masyarakat, menyerupai Pemberontakan Commune Paris tahun 1871 yang terkenal, iaitu rusuhan Komunis yang pertama. Rakyat Perancis dan orang asing yang berada di Paris pada ketika itu telah menyaksikan bahawa anggota dalam Commune Paris ialah sekelompok penyamun perosak yang tidak mempunyai visi dan cita-cita. Hidup dalam bangunan mewah dan makan enak, mereka hanya tahu kenikmatan sementara dan tidak membimbangkan apa-apa. Semasa pemberontakan Commune Paris, mereka menyekat kebebasan akhbar. Mereka menahan dan kemudian menembak mati Uskup (Biskop) Agung Perancis, Georges Darboy, yang memberi khutbah kepada Raja, juga membunuh 64 orang pendeta lain, membakar istana-istana, dan memusnahkan pejabat-pejabat pemerintahan, rumah-rumah peribadi, monumen-monumen dan prasasti-prasasti (inskripsi), semuanya dimusnahkan untuk keseronokan semata-mata. Kekayaan dan keindahan ibu kota Perancis yang tidak ada duanya di Eropah, hancur musnah pada masa rusuhan Commune Paris; bangunan menjadi debu dan manusia menjadi tengkorak. Kekacauan dan kekejaman yang sedemikian belum pernah ada sebelumnya.

Sebagaimana Mao Zedong mengakui, “Benar bahawa kaum petani ‘bermaharajalela’ di desa. Dengan penuh kekuasaan, petani membuat tuan tanah tidak dapat mengeluarkan kata-kata dan mencela kewibawaan mereka. Ini bererti menjatuhkan tuan tanah dan menyudutkan mereka di sana. Petani mengancam, “Kami akan masukkan kamu semua ke dalam daftar (daftar reaksionis)”. Mereka mendenda penjahat setempat dan bangsawan jahat, meminta sumbangan derma daripada mereka, dan merosakkan tandu mereka. Orang ramai menyerbu rumah-rumah penjahat setempat dan bangsawan jahat yang menentang organisasi petani, memotong babi dan memakan gandum mereka. Mereka bahkan berbaring di atas tempat tidur bersih anak-anak perempuan di rumah itu. Jika ditegur sedikit saja, mereka akan menangkap orang tersebut, memahkotai orang yang ditangkap dengan topi tinggi yang diperbuat daripada kertas, dan mengaraknya untuk mengelilingi desa, dan meneriakkan, “Tuan tanah hina, sekarang kamu tahu siapa kami!” Melakukan apa-apa saja yang disukai mereka dan memterbalikkan segalanya, mereka telah mencipta keganasan di desa.” [2]

Tetapi Mao bersetuju sepenuhnya dengan tindakan “maharajalela” ini, dengan mengatakan, “Secara keseluruhan, untuk sementara ini adalah perlu untuk mencipta keganasan di setiap daerah desa, jika tidak, akan mustahil untuk menekan kegiatan ahli kontra revolusi di desa dan juga menumbangkan pengaruh kuasa bangsawan jahat. Batasan norma-norma harus dilanggar demi membenarkan yang salah, namun, yang salah tidak boleh melebihi yang benar ...Banyak daripada perbuatan mereka dalam masa revolusi, yang kelihatan keterlaluan sebenarnya adalah diperlukan oleh revolusi.” [2]

Revolusi komunis telah mencipta sistem keganasan.

Operasi Utara “Anti-Jepun” – Melarikan Diri selepas Kekalahan

PKC menyebut “Perjalanan Panjang” (Long March) sebagai operasi ke utara untuk menentang Jepun. Cerita “Perjalanan Panjang” diheboh-hebohkan dan dijadikan sebagai kisah dongeng bagi revolusi China. Kisah tersebut mengatakan bahawa “Perjalanan Panjang” ialah “manifesto”, “suatu pasukan propaganda” dan “mesin penyemai benih” yang berakhir dengan kemenangan PKC dan kekalahan musuh.

Operasi Utara “Anti-Jepun” merupakan kebohongan yang tak kenal malu daripada PKC untuk menutupi kekalahannya. Pada kenyataannya, dari Oktober 1933 sehingga Januari 1934, PKC mengalami kekalahan sepenuhnya dalam menghadapi operasi pengepungan kelima KMT yang bertujuan untuk menghapuskannya, PKC kehilangan kubu kuatnya di daerah desa satu demi satu, dan daerah markasnya terus menyempit, lantaran Tentera Merah terpaksa melarikan diri. Inilah perkara yang sebenarnya yang berlaku di sebalik “Perjalanan Panjang”.

“Perjalanan Panjang” sebenarnya adalah bertujuan untuk melepasi pengepungan dan melarikan diri ke arah barat menuju sepanjang garis sempadan Mongolia Luar dan Soviet Union. Sekiranya diserang dan kalah, maka boleh memasuki kawasan Soviet. Waktu itu perjalanan PKC menghadapi banyak kesulitan lari ke arah barat menyusuri batasan Mongolia. Maka mereka memilih untuk melewati Shanxi dan Suiyuan, pada satu sisi dapat memenangi hati rakyat dengan mengakui diri sebagai “anti-Jepun”, dan daripada segi lain, daerah tersebut sangat selamat, tidak ada tentera Jepun yang bermarkas di sana, kerana tentera Jepun hanya menduduki kawasan di sepanjang Tembok Besar. Setahun kemudian, ketika PKC akhirnya tiba di Shanbei (bahagian Utara daerah Shanxi), kekuatan inti Tentera Merah Pusat telah berkurang daripada 80,000 orang menjadi hanya 6,000 orang.

Insiden Xi’an - PKC Berjaya Menempel pada KMT Buat Kali Kedua

Pada Disember 1936, Zhang Xueliang dan Yang Hucheng, dua jeneral KMT, menculik Chiang Kai-shek di Xi’an. Ini selanjutnya disebut Insiden Xi’an.

Menurut versi buku teks sejarah yang dibuat oleh PKC, Insiden Xi’an ialah “kudeta militer (rampasan kuasa)” yang dimulakan oleh Zhang dan Yang, memaksa Chiang Kai-shek mengambil kedudukan menentang Jepun, dan pada masa yang sama juga mengundang wakil PKC Zhou Enlai ke Xi’an untuk memulakan rundingan damai. Dengan seruan daripada pelbagai pihak China yang menjadi orang tengah, insiden ini dapat diselesaikan dengan cara damai, sehingga mengakhiri perang saudara selama 10 tahun dan memulakan barisan gabungan penyatuan seluruh negara untuk menentang Jepun. Buku sejarah PKC mengatakan bahawa insiden ini adalah merupakan titik tolak yang penting bagi China dalam krisisnyanya. PKC menggambarkan dan membanggakan dirinya sebagai parti patriotik yang mengambil kira kepentingan seluruh negara.

Namun semakin banyak data yang menyingkap bahawa terdapat banyak pengintip PKC telah berkumpul di sekitar Yang Hucheng dan Zhang Xueliang sebelum Insiden Xi’an. Salah satu contoh ialah, anggota PKC bawah tanah Liu Ding, yang diperkenalkan kepada Zhang Xueliang oleh Song Qingling, isteri kepada Sun Yat-sen, kakak kandung kepada isteri Chiang dan juga seorang anggota PKC. Liu memainkan peranan penting dalam merancang Insiden Xi’an sehingga setelah itu, Mao memberikan pujian kepada Liu bahawa dia telah berjasa dan menjalankan tugasnya dengan baik. Manakala kepada Yang Hucheng pula, isterinya sendiri Xie Baozhen ialah seorang anggota PKC yang bekerja di Jabatan Politik Tentera si suami. Xie berkahwin dengan Yang Hucheng pada bulan Januari 1928 dengan memperoleh keizinan daripada PKC. Tambahan, anggota PKC Wang Bingnan yang menjadi Timbalan Menteri di Kementerian Luar Negeri ialah tetamu kehormat di rumah Yang pada waktu itu. Anggota-anggota PKC di sekeliling Yang dan Zhang inilah yang secara langsung melancarkan kudeta.

Sebenarnya pada awal insiden, pemimpin-pemimpin PKC ingin sekali membunuh Chiang Kai-shek, sebagai balas dendam ke atas penekanan dan pengepungannya terhadap PKC sebelumnya. Pada waktu itu, PKC hanya tertinggal markas yang sangat lemah di utara daerah Shanxi, begitu rapuh sehingga dapat dimusnahkan secara keseluruhan dalam satu kali serangan sahaja. Maka PKC dengan mengerahkan segala kearifannya dalam menghasut dan menipu, merancang kudeta Zhang dan Yang. Bagi mencegah Jepun menyerang Soviet Union, Stalin menulis surat kepada Jawatankuasa

Pusat PKC dan memerintah mereka untuk tidak membunuh Chiang Kai-shek, sebaliknya bekerjasama dengannya untuk kali kedua. Mao Zedong dan Zhou Enlai pada masa itu pun menyadari bahawa dengan kekuatan PKC yang terbatas, mereka tidak mampu melawan KMT, sekalipun jika mereka membunuh Chiang Kai-shek, mereka akan dihapuskan oleh tentera pengepungan KMT yang datang membalas dendam. Disebabkan dalam keadaan ini, PKC mengubah taktiknya, dengan dalih bersatu demi memerangi Jepun, memaksa Chiang Kai-shek menerima kerjasama untuk kali keduanya. PKC terlebih dahulu merancang kudeta dan pemberontakan, mengarahkan pucuk senapang kepada Chiang Kai-shek, tetapi kemudian berputar balik dan bertindak seolah-olah pahlawan panggung, memaksa Chiang untuk sekali lagi menerima PKC. Dengan cara ini PKC tidak hanya terlepas daripada krisis kemusnahan, tetapi juga dapat menggunakan kesempatan ini untuk menempel pemerintahan KMT untuk kali keduanya. Tentera Merah kemudian bertukar menjadi Tentera Jalan Delapan, lebih besar dan lebih kuat daripada sebelumnya. Harulah mengakui kehebatan PKC dalam hal menipu.

Perang Anti-Jepun – Meminjam senjata untuk membunuh, Lantas Menperkembangkan Diri

Buku teks PKC menyatakan bahawa Parti Komunis yang membawa kepada kemenangan China dalam perang menentang Jepun.

Tetapi pada hakikatnya, ketika Perang Anti-Jepun meletus, KMT mempunyai lebih daripada 1.7 juta tentera bersenjata, kapal-kapal perang yang berat lebih daripada 110,000 ton, dan lebih kurang 600 pelbagai jenis pesawat tempur. Sedangkan PKC pula dengan tambahan Tentera Keempat Baru yang baru dibentuk pada bulan November 1937, masih tidak mencapai 70,000 orang, ditambahkan lagi dengan wujudnya perpecahan dalaman dalam pergolakan kuasa, kekuatannya melemah sehingga pada peringkat boleh dihancurkan dalam satu kali saja serangan. PKC menyadari bahawa, jika berperang melawan Jepun, maka kekuatannya akan hancur. Bagi PKC, menyelamatkan kekuatan diri sendiri jauh lebih penting dibandingkan dengan kewujudan bangsa dan keselamatan negara, inilah yang dianggap “penyatuan negara dan bangsa”. Oleh sebab itu PKC merancangkan dasar “semasa kerjasamanya dengan KMT, PKC lebih mengutamakan perjuangan kekuasaan politik, namun ini hanya boleh dibicarakan perihal di dalam dan dilaksanakan dalam kerja-kerja sebenar.”

Setelah Jepun menduduki kota Shenyang pada 18 September 1931 dan memperluaskan kekuasaan sehingga ke daerah Timur Laut China, PKC sebenarnya saling bergandingan dengan Jepun, dan membantu Jepun berperang melawan KMT. Dalam deklarasi yang ditulis berhubungan dengan pendudukan Jepun, PKC menyeru segenap rakyat di daerah kekuasaan KMT untuk memberontak, juga memanggil agar buruh mogok, petani membuat kekacauan, pelajar-pelajar untuk mogok sekolah, orang miskin berhenti bekerja, dan tentera untuk memberontak, supaya dapat menjatuhkan pemerintahan kerajaan Nasionalis China.

Meskipun PKC mengibarkan sepanduk yang melaung-laungkan penentangan terhadap Jepun, namun tentera dan kekuatan gerila PKC hanya bermarkas jauh daripada garis depan perang. Kecuali untuk pertempuran di Pingxing dan beberapa pertempuran yang boleh dikira dengan jari tangan, PKC tidak menyumbangkan apa-apa pun untuk berperang melawan Jepun. Sebaliknya mereka menggunakan kesempatan ini untuk memperbesarkan pengaruh markas mereka. Ketika Jepun menyerah kalah, PKC meraup tentera-tentera yang menyerah kalah tersebut untuk masuk ke dalam tenteranya, justeru memperkembangkan diri dan menuntut mempunyai 900,000 orang tentera, ditambah dengan dua juta askar rakyat. Sesungguhnya tentera KMTlah yang berada di garis paling depan ketika berperang melawan Jepun, dan kehilangan lebih daripada 200 orang jeneral. Sebaliknya PKC seakan-akan tidak kehilangan seorang jeneralnya pun. Walaupun demikian PKC tetap melaungkan kepada rakyat bahawa KMT tidak menentang Jepun, dan PKClah yang memimpin bagi kemenangan dalam perang anti-Jepun.

Rektifikasi di Yan'an – Menciptakan Cara Penindasan yang Paling Menakutkan

PKC menarik banyak pemuda patriotik ke Yan'an atas nama anti-Jepun, tetapi kemudian menindas ribuan pemuda-pemuda patriotik ini dalam gerakan rektifikasi dan penataan yang dilakukan di Yan'an. Sejak merampas kuasa di China, PKC secara berterusan menggambarkan Yan'an sebagai "tanah suci revolusi", tetapi tidak menyebutkan kejahatan yang dilakukannya semasa dalam rektifikasi dan penataan tersebut.

Gerakan rektifikasi di Yan'an adalah merupakan permainan kekuasaan yang paling menakutkan, paling gelap dan paling kejam. Dengan nama bagi membersihkan toksin kaum borjuis (mengikut teori Marxisme, orang yang tergolong dalam kelas pertengahan yang memiliki kebanyakan harta dalam sistem kapitalis), parti komunis cuba membersihkan dan melenyapkan kesemua ciri-ciri ketamadunan manusia, dan nilai-nilai seperti berdikari, kebebasan, toleransi, hormat-menghormati dan nilai-nilai yang lain. Langkah pertama gerakan rektifikasi bermula dengan setiap komrad dikehendaki membuat dan melengkapkan data-data diri yang meliputi: 1) kenyataan peribadi, 2) sejarah kehidupan politiknya, 3) latar belakang keluarga dan hubungannya dengan sosial, 4) autobiografi dan perubahan ideologi, 5) penilaian menurut sifat-sifat parti.

Dalam data diri harus menjelaskan semua kenalan sejak lahir, semua kejadian penting, waktu dan tempat kejadian. Orang ramai diminta menulis data diri secara berulang kali, dan jika didapati terdapat kebocoran, akan dianggap sebagai suatu watak yang bermasalah. Diwajibkan juga menulis semua kegiatan sosial yang pernah ikuti, terutama yang berhubungan dengan proses penyertaan ke dalam parti. Penekanan juga pada proses fikiran dan pertimbangan peribadi dalam aktiviti sosial yang dijalankan. Lebih penting lagi ialah penilaian dilakukan berdasarkan sifat-sifat parti, setiap orang harus mengakui sama ada mempunyai fikiran atau perilaku yang menentang parti, baik dalam percakapan, perilaku kerja, kehidupan seharian dan aktiviti sosial atau tidak. Dalam penilaian tentang kesedaran dan ideologi, setiap orang diminta untuk menelaah dengan teliti sama ada hanya prihatin dengan kepentingan peribadi, memanfaatkan pekerjaan dalam parti untuk mencapai tujuan peribadi, dan tidak percaya dan ragu-ragu terhadap masa depan revolusi, takut mati ketika perang, ataupun rindu pada keluarga dan kekasih. Tidak ada standard yang objektif sehingga semua orang mempunyai masalah dan memiliki kekurangan.

Pemaksaan dan penganiayaan digunakan untuk mendapatkan "pengakuan" daripada kader teras yang sedang diperiksa untuk menjaring keluar "pengkhianat terselubung". Lantaran terjadi banyak kes fitnahan, sejumlah besar kader teras ditindas. Semasa gerakan rektifikasi, Yan'an disebut sebagai "tempat menempa sifat manusia", banyak mencederakan kader teras. Satu pasukan kerja memasuki Universiti Urusan Militer dan Politik untuk memeriksa sejarah peribadi kader-kader, menyebabkan keganasan berdarah selama dua bulan. Berbagai-bagai-bagai cara digunakan untuk mendapatkan pengakuan, termasuklah pengakuan terus, pengakuan demonstrasi, pembujukan beramai-ramai, pembujukan lima minit, pembicaraan berasingan, laporan persidangan, mengidentifikasi "lobak" (yang merah di luar, putih di dalam). Juga terdapat pengambilan foto, setiap orang dikenakan berbaris di pentas untuk diperiksa umum. Mereka yang kelihatan tampak wajah tidak berubah tidak akan diapa-apakan, dan mereka yang gelisah dianggap sebagai orang yang disyaki dan dijadikan objek penyiasatan.

Bahkan wakil daripada Comintern tidak tahan dengan cara yang digunakan dalam rektifikasi ini dan mengatakan bahawa situasi Yan'an terlalu tertekan. Orang-orang tidak berani berinteraksi antara satu sama lain. Setiap orang mempunyai tujuan yang tidak baik dan mempunyai perhitungan sendiri, semua orang kelihatan amat cemas dan ketakutan. Tidak ada yang berani berkata jujur demi kebenaran atau mempertahankan dan melindungi temannya yang diperlakukan tidak adil, kerana semuanya berusaha untuk menyelamatkan nyawanya sendiri. Kepada mereka yang jahat, yang

mengampu dan menjilat dipromosikan. Penghinaan terhadap rakan dan sendiri, terpaksa untuk menanggalkan harga diri dan rasa hormat, dan kasih sesama insan menjadi ciri kehidupan di Yan'an. Orang-orang didorong ke bawah batas kewarasan demi terus hidup. Mereka tidak lagi berani mengeluarkan pendapat mereka sendiri, tetapi melafazkan artikel pemimpin-pemimpin parti. Sistem penindasan yang sama selalu dipakai oleh PKC dalam gerakan politiknya sejak menduduki tampuk kekuasaan di China.

Perang Saudara Tiga Tahun – Mengkhianati Negara untuk Meraih Kuasa

Revolusi Borjuis Rusia pada Februari 1917 sebenarnya ialah revolusi yang lembut. Tsar meletakkan kepentingan Negara di tempat utama dan menyerahkan kekuasaan tanpa melawan. Lenin segera kembali ke Rusia dari Jerman, atas nama Revolusi Komuis, melancarkan kudeta dan membunuh golongan ahli revolusi yang terdiri daripada kelompok borjuis yang telah menjatuhkan Tsar. PKC juga sama seperti Lenin, memetik buah kemenangan daripada revolusi nasionalis. Setelah Perang Anti-Jepun berakhir, PKC melancarkan yang disebut “Perang Pembebasan” (1946-1949) untuk menggulingkan pemerintahan KMT, membawa bencana perang sekali lagi kepada China.

PKC mahir dalam strategi memanipulasi massa. Dalam beberapa pertempuran dengan KMT, termasuk pertempuran Liaoxi-Shenyang, Beijing-Tianjin, dan Huai Hai [20], PKC menggunakan taktik yang paling primitif, paling tidak bertamadun dan paling tidak berperikemanusiaan dengan mengorbankan massanya sendiri. Ketika mengepung Changchun, bagi menghabiskan bekalan makanan kota tersebut, Tentera Pembebasan Rakyat (TPR) PKC melarang rakyat awam meninggalkan kota tersebut. Dalam waktu dua bulan setelah Changchun dikurung, hampir 200,000 orang mati kelaparan dan kesejukan, itu pun TPR tidak berbelas kasihan, tidak mengizinkan orang untuk keluar daripada kota. Setelah peperangan berakhir, tanpa malu mereka menyatakan bahawa “telah membebaskan Changchun tanpa perlu menggunakan senjata”.

Dari 1947 sehingga 1948, PKC menandatangani “Perjanjian Harbin” dan “Perjanjian Moscow” dengan Soviet Union, mengkhianati kepentingan bangsa Negara dan menjualkan sumber alam di bahagian Timur Laut China, sebagai ganjaran penukaran bagi mendapat sokongan penuh daripada Soviet Union dalam hal ehwal luar negeri dan urusan ketenteraan. Menurut perjanjian, Soviet Union akan membekalkan PKC dengan pesawat terbang; akan memberikan PKC semua senjata rampasan daripada Jepun dalam dua peringkat; dan akan menjual amunisi dan bekalan militer milik Soviet Union di Timur Laut China kepada PKC dengan harga yang murah. Jika KMT melakukan pendaratan di Timur Laut, Soviet Union akan membantu tentera PKC secara rahsia; Soviet Union akan membantu PKC menguasai Xinjiang; PKC dan Soviet Union akan membangunkan kekuatan angkatan udara gabungan; Soviet akan membekal 11 divisi tentera PKC, dan menghantarkan satu pertiga daripada senjata Amerika Syarikat (bernilai \$ 13 billion) ke Timur Laut China.

Untuk mendapatkan sokongan Soviet Union, PKC menjanjikan hak istimewa buat Soviet Union bagi pengangkutan darat dan udara di daerah Timur Laut; memberi Soviet Union maklumat rahsia tentang gerak-geri KMT dan militer Amerika Syarikat; memberi Soviet Union hasil produk Timur Laut (kapas, soya, bekalan militer) sebagai syarat penukaran bagi senjata canggih; mengizinkan Soviet Union mempunyai hak khusus melakukan perlombongan di kawasan tertentu di China; mengizinkan Soviet Union untuk mendirikan pangkalan militer di Timur Laut dan Xinjiang; dan mengizinkan Soviet Union untuk mendirikan Biro Agen Rahsia Timur Jauh di China. Jika perang meletus di Eropah, PKC akan menghantarkan bantuan 100,000 orang tentera, ditambah dengan dua juta orang pekerja buruh untuk menyokong Soviet Union. Selain daripada itu, PKC berjanji untuk menggabungkan beberapa daerah khusus di daerah Liaoning dengan Korea Utara jika diperlukan.

III. Memperlihatkan Sifat Iblis Yang Diwarisi

Ketakutan Selamanya Menandai Sejarah Parti

Ciri yang paling menonjol dalam PKC ialah ketakutan yang mendalam buat selama-lamanya, terutama ketakutan dalam kelangsungan hidupnya menjadi kepentingan yang paling terutama sejak dilahirkan. Bertahan adalah bagi menjaga kepentingan utama PKC, yang dilakukannya dengan menggunakan kekerasan. PKC seperti sel kanker utama yang menyebar dan menyusupi setiap bahagian tubuh, meresap masuk ke dalam sel normal mengubah menjadi kanker ganas. Dalam kitaran sejarah, masyarakat tidak dapat menyelesaikan faktor yang bermutasi seperti PKC ini dan tidak mempunyai pilihan selain hanya membiarkannya tersebar. Sebagai impaknya masyarakat banyak menjadi tercemar, komunisme mahupun elemen komunis bermaharajalela dalam skala luas. Unsur-unsur ini pula diperkuatkan dan dipergunakan oleh PKC secara berterusan secara dasar dan telah merendahkan nilai moral dan kemasyarakatan umat manusia.

PKC tidak percaya kepada norma-norma umum masyarakat, prinsip-prinsip nilai moral dan keadilan. Semua prinsip-prinsipnya digunakan sepenuhnya untuk kepentingan kumpulan sendiri. Pada dasarnya PKC hanya mementingkan diri sendiri saja, dan tidak ada prinsip yang dapat menahan dan mengawal keinginannya. Bersesuaian dengan prinsip sendirinya, parti hanya perlu untuk terus mengubah penampilan luarnya, memakai kulit baru. Pada masa awal ketika krisis kewujudannya, PKC menempel kepada Parti Komunis Soviet Union, menempel kepada KMT, menempel kepada tubuh badan kerajaan KMT, dan juga kepada Revolusi Nasional. Setelah mendapatkan kekuasaan, PKC menempelkan dirinya pada pelbagai macam bentuk kesempatan, menempel kepada fikiran dan perasaan rakyat, menempel kepada struktur sosial dan pelbagai taktik dan apa-apa saja yang dapat dirasuknya. PKC telah menjadikan setiap krisis sebagai suatu kesempatan untuk memperkuatkan dirinya bagi tujuan kekuasaannya.

Segala Perilaku Jahat Merupakan “Senjata Ajaib” PKC

PKC menuntut bahawa kemenangan revolusi bergantung kepada tiga “senjata ajaib”: pembinaan parti, pertempuran bersenjata dan barisan penyatuan perang. Pengalaman dan pengajaran daripada KMT menambah lagi dua “senjata”: propaganda dan taktik pengintipan. Semua “senjata ajaib” PKC dihubungkan dan dipenuhi dengan kesemua sembilan sifat jahil yang diwarisinya iaitu sesat, tipu, hasut, berwatak gengster, mengintip, merampas, pertentangan, pelenyapan dan pengawalan.

Marxisme-Leninisme secara dasar adalah sesat dan jahil. Secara ironik, kader PKC sendiri pun tidak begitu memahami Marxisme-Leninisme. Lin Biao [21] pernah mengatakan bahawa hanya beberapa anggota PKC yang benar-benar membaca material Marx atau Lenin. Masyarakat umum menganggap Qu Qiubai [22] sebagai seorang tokoh pemikiran dan ideologi, tetapi dia mengaku hanya membaca sedikit kulit bagi Marxisme-Leninisme saja. Ideologi Mao Zedong adalah merupakan versi daripada apa yang Marxisme-Leninisme angkat sebagai pemberontakan petani. Teori peringkat asas sosialisme Deng Xiaoping “meletakkan nama keluarga kapitalis di depannya”, mempunyai dasar-dasar kapitalis dalamnya. Teori “Tiga Wakil” [23] daripada Jiang Zemin diperbuat daripada adunan bukan apa-apa pun. PKC tidak pernah memahami apa itu Marxisme-Leninisme, tetapi hanya telah menwarisi semua aspek kejahatannya, yang kemudian diubahsuaikan oleh PKC dan dimasukkan benda-benda yang lebih keji.

Perkara yang perlu disebutkan ialah gerak kerja penyatuan perang PKC adalah merupakan gabungan daripada penipuan dan penyogokan jangka pendek. Penyatuan adalah untuk berperang, menambahkan bilangan kekuatannya daripada asalnya hanya sedikit bilangannya, dan mengubah kadar peratusan kekuatan sendiri dan lawan. Ada penyatuan maka terdapatnya pemisahan, memisahkan siapa teman dan lawan; siapa yang di kiri, di tengah, di kanan; siapa yang dilindungi dan

siapa yang diserang, bila bersahabat dan bila bermusuhan. Mudah sahaja menjadikan lawan sebagai kawan, dan kemudiannya kawan berbalik menjadi lawan. Misalnya semasa dalam “revolusi demokratik”, PKC bergabung dengan golongan borjuis; di masa revolusi sosialis menghapuskan borjuis. Misalnya, dalam peringkat meraih kekuasaan, pimpinan parti demokrasi lain seperti Zhang Bojun [24] dan Luo Longji [25] dipergunakan sebagai pendukung PKC, kemudian setelah selesai merampas kuasa dan tidak diperlukan lagi, lalu ditindas sebagai “sayap kanan”.

Parti Komunis Ialah Kelompok Gengster yang Professional

Parti Komunis menerapkan strategi dua sisi, satu sisi lembut dan fleksibel, serta sisi lain keras dan tegas. Strategi lembutnya meliputi propaganda, penyatuan perang, menghasut, mengintip, memberontak, bermuka dua, menyemai fikiran orang, mencuci otak, berbohong dan menipu, menutupi kebenaran, perang psikologi, menciptakan suasana keganasan dan ketakutan. Dibuat begitu untuk menghasilkan ketakutan dalam hati orang ramai supaya mudah lupa kesalahan yang telah dilakukan parti. Taktik lembut ini melenyapkan sifat manusiawi dan membentuk kekejaman dalam diri manusia. Taktik keras PKC pula meliputi kekerasan, pertempuran bersenjata, penindasan, gerakan politik, membunuh bagi menutupi bantahan, menculik, menyekat suara pendapat orang lain, bertarung, menyingkirkan pihak lain pada tempoh waktu tertentu, dan lain-lain. Taktik-taktik agresif ini ialah jaminan bagi PKC untuk mencipta keganasannya.

PKC secara lazim menggunakan kedua-dua cara halus dan kasar secara bersama, sesaat melakukan dengan lenggang sesaat kemudian dengan ketat, atau lenggang untuk urusan luaran tetapi ketat bagi urusan dalaman. Dalam suasana lenggang, PKC mendorong orang untuk mengeluarkan pendapat yang berbeza, tetapi bagaikan mengumpun ular keluar daripada lubangnya, orang yang mengeluarkan pendapatnya kemudian akan ditindas dan dikawal oleh pengawasan yang ketat. PKC sering menggunakan isu demokrasi untuk menentang KMT, tetapi ketika golongan intelektual yang berada di bawah pengawasan ketat PKC sedikit sahaja tidak bersetuju dengan parti, mereka akan diseksa dan bahkan dipenggal kepalanya. Misalnya kita boleh melihat pada “Insiden Bunga Lili Liar” yang terkenal, yang mana seorang intelektual, Wang Shiwei (1906-1947), yang mengeluarkan ideanya tentang kesaksamaan, demokrasi dan peri kemanusiaan, telah ditindas dalam gerakan Yan’an, dipenggal hingga mati dengan kapak oleh PKC pada tahun 1947.

Seorang pegawai kader senior yang terlibat dan ditindas dalam gerakan rektifikasi Yan’an mengingati kembali saat-saat ketika dia ditindas, diseret dan dipaksa untuk mengaku, dan di bawah tekanan tinggi, satu-satunya cara yang dapat dilakukan adalah mengkhianati hati nuraninya sendiri dan berbohong. Pada mulanya, dia tidak dapat memaafkan diri kerana melibatkan dan memfitnah teman-temannya sendiri. Dia begitu membenci dirinya sendiri sehingga ingin membunuh diri. Kebetulan ada sepucuk pistol terpampang di atas meja. Diambil dan diarahkan ke kepalanya, dan ditarik picunya. Pistolnya kosong tidak berpeluru! Kader yang menyoal siasat tadi masuk dan berkata, “Adalah baik kerana kamu telah mengaku salah, polisi parti adalah lembut dan sederhana”. Melalui ujian yang diberikan, Parti Komunis tahu bahawa kamu telah mencapai kemuncaknya, dan tahu bahawa kamu “setia” terhadap parti, maka kamu telah lulus ujian. Begitulah caranya Parti Komunis menempatkan anda di ambang kematian, setelah merasai segala kesengsaraan dan penderitaan anda, di saat anda tenat, dengan ramah ditawarkan jalan hidup yang serupa mati, dan menjadi penyelamat anda. Puluhan tahun berlalu, dan pegawai ini berkesempatan mempelajari Falun Gong di Hongkong, suatu qigong dan latihan kultivasi yang diperkenalkan di China. Dia merasa Qigong ini adalah baik. Namun ketika penindasan Falun Gong bermula, kenangan lama yang menyakitkan datang melewati lagi, maka dia pun tidak berani lagi berkata bahawa Falun Gong baik.

Pengalaman daripada maharaja terakhir Puyi [26] juga semirip pegawai tersebut. Ditahan dalam penjara PKC dan melihat orang lain dibunuh, dia fikir dia lambat-laun akan mati jua. Dengan upaya agar tetap hidup, dia membiarkan dirinya dicuci otak dan bekerjasama dengan pihak penjara.

Kemudian dia menulis autobiografi “Separuh Hayat Pertama Kehidupan Saya”, menjadi model tipikal yang digunakan oleh PKC sebagai contoh dalam pembentukan ideologi seseorang.

Menurut kajian ilmu perubatan moden, di bawah keadaan ketakutan dan tekanan psikologi yang tinggi dan keterasingan, kebanyakan mangsa akan cenderung terjatuh ke dalam keadaan di mana si mangsa sangat bergantung kepada si penyeksa, keadaan ini disebut Sindrom Stockholm. Keadaan emosi si mangsa, sama ada gembira, marah dan sedih akan mengikut keadaan emosi penyeksa, apabila sedikit saja kebaikan diberikan, si mangsa akan membalas dengan rasa terima kasih yang meluap-luap. Juga terjadi hal di mana si mangsa bahkan “jatuh cinta” kepada penyeksa. Fenomena psikologi ini telah lama diketahui dan digunakan dengan berjayanya oleh PKC untuk melawan musuh dan sehinggakan mengawal dan membentuk fikiran rakyat.

Parti Komunis Adalah Paling Jahat dan Paling Keji

Sepuluh orang bekas setiausaha agung PKC semuanya tidak terkecuali dilabelkan sebagai anasir-anasir anti-parti. Jelas sekali, PKC mempunyai nyawa yang tersendiri, merupakan tubuh bernyawa yang berdikari. Tidak semestinya pemimpin parti yang dapat menentukan arah dan nasib parti, tetapi parti yang berkeputusan dalam soal nasib pemimpinnya., Sewaktu menghadapi pengepungan KMT di daerah Jiangxi, walaupun pada saat-saat genting dalam soal hidup mati ini, PKC tidak kurang juga melakukan operasi pembersihan dalaman “Anti-Bolshevik (AB) Corps”, menghukum perajurit-perajuritnya sendiri, dengan melontar batu sampai mati dan tidak menggunakan peluru kerana mahu menjimatkan pelurunya. Di daerah Shanxi ketika nyawa tersepit di antara Jepun dan KMT, PKC bahkan memulakan gerakan rektifikasi dan penataan Yan’an yang dikatakan sebagai suatu gerakan pembersihan dalaman secara besar-besaran, dan membunuh banyak orang. Pembunuhan beramai-ramai yang berulang kali dilakukan dalam skala besar ini namun tidak menjejaskan PKC dalam usaha mengembangkan kekuasaannya ke seluruh China. Mengambil cara pembunuhan orang sendiri ini berkembang daripada kekuasaan kawasan kecil Soviet sehingga ke seluruh negara, PKC bagaikan tumor maglinan yang ganas: dalam perkembangannya yang cepat dan gila, walaupun akar tumor telah mati, namun telah merambah dan memakan bahagian sel tubuh organismanya yang sihat di sekelilingnya dan mengembangkan pengaruhnya. Tubuh organisma yang dirambah menular menjadi sebahagian kanser ganas pula. Tidak kira pada awalnya sama ada orang itu baik atau jahat, setelah seseorang itu memasuki PKC, dia akan menjadi sebahagian daripada kekuatan perosak. Semakin tulus dan serius orang itu, semakin rosak orang itu. Tanpa disoal, apabila tubuh dimusnahkan sepenuhnya oleh tumor, maka adalah juga merupakan saat kematian tumor itu sendiri. Tetapi begitulah perilaku tumor PKC.

Pengasas yang diakui umum PKC, Chen Duxiu, ialah seorang intelektual dan pemimpin Gerakan 4 Mei. Dia menampilkan dirinya sebagai seorang yang tidak suka akan kekerasan, dan memperingatkan anggota PKC jika mereka ingin mengubah KMT menjadi ideologi komunis atau terlalu ingin berkuasa, ini pastinya akan membuatkan hubungan dalaman menjadi genting. Sebagai seorang yang paling aktif dalam generasi 4 Mei, Chen juga masih lagi mempunyai sikap bertoleransi. Dialah yang pertama sekali dilabelkan sebagai “oportunis sayap-kanan”.

Pemimpin PKC yang lain, Qu Qiubai, beranggapan bahawa anggota PKC harus bertempur dengan sendiri, mengorganisasikan pemberontakan, menggulingkan pemerintahan, dan menggunakan cara-cara yang melampau untuk mengembalikan masyarakat China kembali kepada fungsi-fungsi normalnya. Tidak disangka sama sekali, sebelum kematiannya dia mengaku bahawa, “saya tidak ingin meninggal sebagai seorang ahli revolusi, kerana saya pada hakikatnya telah lama meninggalkan pasukan kamu. Aduhai! Sejarah telah mempermainkan dan menempatkan saya, satu intelektual di atas pentas politik revolusi dan beraksi di sana selama bertahun-tahun. Saya pada akhirnya masih tidak

dapat melepaskan konsep-konsep golongan atasan, yang mulia dan baik yang ada dalam diri saya. Saya tidak dapat menjadi pejuang proletariat”. [27]

Pemimpin PKC Wang Ming, walaupun dinasihati Comintern, namun tetap berpendirian tegas bagi menentang Jepun dengan bersungguh-sungguh dalam perikatan dengan KMT, dan bukannya memperluas tapak pengaruh PKC. Dalam pertemuan PKC, Mao Zedong dan Zhang Wentian [28] tidak dapat memujuk teman seperjuangannya mahupun mengungkapkan situasi yang sebenarnya: Dengan kekuatan militer Tentera Merah yang tak terbatas, mereka sendiri malahan tidak akan dapat menahan tentera Jepun, jika menuruti emosi pada masa itu dengan mengerahkan bala tentera untuk bertempur habis-habisan, maka sejarah China tentu bukan seperti sekarang. Dalam suasana pertemuan tersebut yang didominasi oleh kebudayaan tradisonal “untuk berbakti sehinggakan berkorban” itu, Mao Zedong terpaksa berdiam diri. Kemudian Wang Ming disingkirkan, dilabelkan sebagai seorang yang menyimpang daripada “sayap kiri”, kemudiannya menjadi seorang oportunis berideologi sayap kanan.

Hu Yaobang, seorang lagi setiausaha parti yang dipaksa untuk mengundurkan diri pada Januari 1987, padahal dia berjuang demi keadilan mangsa-mangsa yang tidak bersalah dalam gerakan politik yang berkali-kali, telah mengembalikan sokongan rakyat pada pihak PKC. Tetapi pada akhirnya dia tetap dijatuhkan. Zhao Ziyang [29] ialah setiausaha terkini yang disingkirkan, dia ingin menyelamatkan PKC dan cuba mereformasikan parti, namun tetap tidak berkesudahan baik.

Lalu apakah yang boleh dilakukan oleh pemimpin-pemimpin baru PKC? Jika benar mereformasikan PKC, maka PKC akan musnah, dan dengan cepat kekuasaan mereka yang diberikan PKC akan dirampas balik. Terdapat batasan untuk anggota PKC dalam mereformasikan system PKC maka reformasi PKC sendiri tidak mungkin berjaya.

Pemimpin-pemimpin parti semuanya jahat belaka, apakah mungkin untuk reformasi dilakukan sehinggakan diperkembangkan? Pada banyak masa ketika yang paling jahat dan paling kejam, pemimpinnya sendiri juga terkalah, kerana sifat kejahatan mereka belum lagi mencapai standard parti, hanya yang paling jahat dan paling kejam akan memenuhi permintaan dan keperluan parti. Kebanyakan pemimpin parti berakhir dengan kesudahan padah yang menakutkan, namun PKC terus bertahan kemandiriannya. Pemimpin-pemimpin PKC yang dapat terus hidup dan bertahan di kedudukan mereka bukanlah mereka yang dapat mengawal parti, tetapi merupakan mereka yang dapat memahami keinginan jahat parti dan mengikutinya, mereka yang menambah tenaga kemampuan PKC untuk bertahan semasa krisis, dan mereka yang menyerahkan diri sepenuhnya kepada parti. Patutlah mengapa anggota PKC boleh menentang langit, memerangi bumi, dan melawan sesama umat manusia, tetapi mereka tidak pernah boleh menentang parti, semuanya hanya merupakan alat kejinakan parti.

Berwatak gengster dan tidak tahu malu sudah menjadi keajaiban parti masa kini. Menurut parti, semua kesalahan adalah merupakan kesalahan pemimpin mereka, dan parti sendiri tidak pernah salah, misalnya salah Zhang Guotao [30] dan salah Geng Empat [31]. Mao Zedong dinilai oleh parti mempunyai tiga bahagian kesalahan dan tujuh bahagian pencapaian, sementara Deng Xiaoping menilai dirinya sendiri mempunyai empat bahagian kesalahan dan enam bahagian pencapaian, tetapi parti sendiri tidak pernah salah. Bahkan ketika parti bersalah, dikatakan parti dapat memperbetulkan dirinya sendiri. Dan oleh sebab itu, parti memberitahu anggotanya untuk “melihat ke depan” dan “jangan terikat dengan hal-hal masa lalu”. Banyak perkara telah diubah: Syurga Komunis boleh diubah rendah menjadi isu perlindungan dan kekenyangan ideologi sosialis; Marxisme-Leninisme boleh digantikan dengan “Tiga Wakil”; bagaikan sendiri mengutuk sendiri. Bagi mempertahankan pemerintahannya, orang ramai usahlah terkejut melihat gelagat PKC cuba menjadi lebih demokratik, bersikap terbuka dan membenarkan kebebasan untuk menganut kepercayaan, mencampakkan Jiang Zemin dalam waktu semalam, ataupun memulihkan reputasi Falun Gong. Tetapi apa yang pasti,

suatu hal tidak dapat berubah, iaitu matlamat, kewujudan dan kekuasaan kumpulan parti tidak pernah berubah, juga mempertahankan dominasi dan kekuasaan parti sentiasa tidak akan berubah.

PKC telah mencampur-adukkan kekerasan, keganasan, ketakutan dan indoktrinasi tekanan tinggi untuk membentuk dasar teorinya, yang kemudiannya dijadikan sifat dan prinsip tertinggi parti, dijadikan roh kepada pemimpinya dan pada akhirnya dijadikan seluruh fungsi mekanisme parti dan standard tindak tanduk anggotanya. Parti Komunis adalah parti yang sekeras keluli dan disiplinnya sekeras besi. Tujuan dan matlamat semua anggotanya diharuskan untuk disatukan, dan tindakan semua anggotanya diharuskan seiringan sepenuhnya dengan agenda politik parti.

Kesimpulan

Kuasa apakah dalam sejarah yang telah memilih Parti Komunis? Mengapa memilih PKC dan tidak memilih kekuasaan politik yang lain? Seperti yang kita ketahui, di dunia ini terdapat dua kuasa dan dua pilihan. Yang satu ialah kuasa yang lama dan jahat, yang tujuannya adalah untuk melakukan kejahatan dan memilih benda negatif. Yang satu lagi ialah kuasa yang lurus, soleh dan baik, yang hendak memilih jalan untuk melakukan kebaikan dan perkara mulia. PKC telah dipilih oleh kuasa lama. Sebab bagi pemilihan ini adalah kerana PKC telah mengumpulkan semua unsur kejahatan di dunia, di China mahupun daripada negara asing, di masa lampau mahupun sekarang. PKC ialah wakil kepada kuasa jahat. PKC menipu naluri manusia yang pada kelahirannya bersifat polos dan mulia, untuk melakukan dosa, dan selangkah demi selangkah telah menjadi suatu keupayaan untuk menghancurkan.

Apa yang dimaksudkan oleh PKC dalam kenyataan propagandanya bahawa “tanpa parti komunis maka tiada China baru? Sejak pendiriannya pada tahun 1921 sehingga merampas kekuasaan politik pada tahun 1949, membuktikan dengan jelas sekali bahawa tanpa penipuan, kecurangan, kekerasan dan penumpahan darah, sudah tentu PKC tidak akan dapat berkuasa. PKC berbeza daripada pelbagai macam organisasi yang lain dalam sejarah, PKC mengubah miring teori-teori berdasarkan ideologi Marxisme-Leninisme dan berbuat sesuka hatinya. PKC menjelaskan semua perbuatannya dengan teori seakan tinggi, dan dengan cerdiknya menghubungkan-kaitkannya dengan bahagian massa tertentu, sehingga tindakannya “dibenarkan”. Setiap hari PKC menyiarkan propagandanya, menutupi strateginya dengan pelbagai prinsip dan teori, dan membuktikan bahawa sendiri adalah betul selamanya.

Awal mula PKC adalah merupakan suatu proses yang mengumpulkan kejahatan secara keseluruhan, tiada apa yang harus dibanggakan. Sejarah PKC mengungkapkan kepada kita akan ketidaksahihannya. Bukannya orang China yang memilih PKC, tetapi PKC lah yang telah memaksakan komunisme, roh jahat asing ini, terhadap rakyat China dengan cara melakukan perwatakan jahat yang diwarisi oleh PKC; sesat, tipu, hasut, berwatak gengster, mengintip, merampas, pertentangan, pelenyapan dan pengawalan.

Nota:

[1] Daripada Lagu Kebangsaan Komunis “Antarabangsa”

[2] Daripada laporan Mao “Laporan tentang Penyelidikan Gerakan Petani di Hunan” (Mac 1927)

[3] Suatu cerita legenda di kalangan rakyat China, Gadis Berambut Putih ialah cerita seorang gadis yang hidup abadi di dalam gua dan mempunyai kuasa sakti untuk memberikan ganjaran atas perlakuan baik seseorang dan mendenda bagi keburukan, menyokong kemuliaan dan menyekat kejahatan. Namun, dalam drama, opera dan balet “moden” China, gadis tersebut digambarkan

sebagai watak yang dipaksa melarikan diri daripada gua selepas ayahnya dipukul sehingga mati kerana tidak mengizinkan tuan tanah untuk berkahwin dengan anaknya. Gadis tersebut telah menjadi berambut putih akibat kekurangan nutrisi. Cerita ini telah menjadi satu daripada drama “moden” China yang terkenal untuk menghasut kebencian kepada kelas tuan tanah.

[4] Kaum proletariat, secara kasar diterjemahkan sebagai pekerja kasar di kawasan sesak. Istilah ini mengenal pasti kelompok yang terbuang, yang rendah atau merosot darjatnya atau elemen bawah tanah yang membentuk sebahagian daripada populasi bagi pusat perindustrian, ini termasuklah pengemis, pelacur, gengster, pencatut, penipu, penjenayah ringan, penganggur atau penganggur yang tidak boleh digaji yang kronik, orang-orang yang telah disingkirkan daripada industri, dan semua elemen yang merosot. Istilah ini dicipta keluar oleh Marx dalam Perjuangan Kelas di Perancis, 1848-1850.

[5] Zhou Enlai (5 Mac 1898 – 8 Januari 1976), orang penting kedua setelah Mao dalam sejarah PKC. Dia ialah tokoh terkemuka PKC dan merupakan Perdana Menteri Republik Rakyat China dari 1949 sampai kematiannya.

[6] Gu Shunzhang asalnya adalah salah satu daripada ketua sistem agen rahsia PKC. Pada 1931 dia ditahan oleh KMT dan membantu KMT dalam menyingkap agen-agen rahsia PKC. Kelapan-lapan orang anggota keluarga Gu kemudian dicekik sampai mati dan dikuburkan di Kongsesi Perancis di Shanghai.

[7] Perang antara PKC dan KMT pada Jun 1946. Perang ditandai dengan 3 kempen : Liaoxi-Shenyang, Huai-Hai dan Beiping-Tianjin, setelah itu PKC menggulingkan pemerintahan KMT, dan seterusnya membawa kepada pendirian Republik Rakyat China pada tahun 1 Oktober 1949.

[8] Chiang Kai-shek adalah merupakan pemimpin KMT, dan kemudian disingkirkan dan menjadi pemerintah Taiwan.

[9] Hu Zongnan (1896-1962), seorang yang berasal daripada Wilayah Xiaofeng (sekarang bahagian dalam Wilayah Anji), Daerah Zhejiang. Dia ialah pembantu komander dan kepala pekerja-pekerja dalam Pusat Militer dan Pentadbiran Baratdaya KMT.

[10] Li Xiannian (1909-1992), satu daripada pemimpin senior PKC. Dia menjadi Presiden China pada tahun 1983. Dia memainkan peranan penting dalam membantu Deng Xiaoping merampas balik kuasa pada Oktober 1976 menjelang akhir Revolusi Kebudayaan.

[11] Ketika PKC memulakan reformasi tanah, PKC mengkategorikan orang. Antara kelas musuh yang ditakrifkannya, golongan intelektual diletakkan pada kedudukan kesembilan, selepas tuan tanah, reaksionist, mata-mata, dan sebagainya.

[12] Daripada sebuah puisi oleh Sima Qian (kira-kira 145-135 BC sehingga 87 BC), seorang sejarawan dan sarjana pada Dinasti Han Barat. Karya puisinya yang terkenal berbunyi, “Semua orang pasti akan mati; seseorang itu sama ada mati seberatnya bagaikan gunung Taishan atau seringannya bagaikan bulu.” Gunung Taishan adalah salah satu daripada pergunungan utama di China.

[13] Yang Kuisong : “ Suatu synopsis tentang penyokongan kewangan Moscow kepada PKC dari 1920-an sehingga 1940-an,” no. 27, edisi web daripada 21 Century (30 Jun 2004). Laman web: <http://www.cuhk.edu.hk/ics/21c/supplem/essay/040313a.htm>. (dalam Mandarin). Penulis Yang Kuisong ialah seorang pengkaji sejarah komtemporari dalam Akademik China dalam Sains Sosial. Pada ketika ini,

dia ialah professor dalam Jabatan Sejarah, Universiti Beijing, dan juga professor tambahan di Universiti Normal China Timur.

[14] Ekspedisi Utara adalah sebuah kempen militer Chiang Kaishek pada tahun 1927 yang bertujuan untuk menyatukan China di bawah pemerintahan KMT, dan menamatkan kekuasaan panglima perang setempat.

Tujuan ini sebenarnya tercapai. Sempena Ekspedisi Utara, PKC telah bergabung dengan KMT.

[15] Gerakan revolusi sempena perikatan PKC-KMT, ditandai oleh Ekspedisi Utara.

[16] Sun Yat-sen (1866-1925), tokoh pengasas China moden.

[17] Tentera Revolusi Nasional yang dikawalkan oleh KMT, adalah merupakan tentera negara Republik China. Sewaktu penggabungan PKC-KMT, dalamnya juga terdapat anggota PKC.

[18] Pada tanggal 12 April 1927, KMT yang dipimpin oleh Chiang Kaishek memulakan operasi militer menentang PKC di Shanghai dan beberapa kota yang lain. Kira-kira 5,000 sampai 6,000 anggota PKC ditangkap dan banyak yang dibunuh di Shanghai antara 12 April 1927 hingga akhir tahun tersebut.

[19] Kawasan gunung Jिंगgangshan adalah dianggap sebagai tapak revolusi luar Bandar PKC, dan dipanggil sebagai “tempat permulaan bagi Tentera Merah”.

[20] Peperangan Liaoxi-Shenyang, Beijing-Tianjin, dan Huai Hai adalah merupakan tiga perang yang utama PKC menentang KMT dari September 1948 hingga Januari 1949, dan dalam pada itu menghapuskan antara angkatan tentera terbaik KMT. Berjuta-juta nyawa terkorban dalam tiga peperangan tersebut.

[21] Lin Biao (1907-1971), salah satu daripada pemimpin senior PKC, berkhidmat di bawah Mao Zedong sebagai ahli dalam Politbiro China, sebagai Timbalan Pengerusi (1958) dan Menteri Pertahanan (1959). Lin dianggap sebagai dalang arkitek Revolusi Kebudayaan. Lin dinamakan sebagai pengganti Mao pada 1966, tetapi tidak mendapat sokongan ramai menjelang 1970. Merasakan kejatuhannya, Lin dituduh terlibat dalam suatu komplot rampasan kuasa, dan cuba melarikan diri ke USSR ketika terbongkar rancangannya. Ketika dalam pelarian, pesawatnya terhempas di Mongolia, yang menyebabkan kematiannya.

[22] Qu Qiubai (1899-1935) adalah salah satu pemimpin PKC awal dan penulis sayap kiri yang terkenal. Dia ditangkap oleh KMT pada 23 Februari 1935 dan meninggal pada 18 Jun tahun yang sama.

[23] “Tiga Wakil” pada awalnya disebutkan dalam ceramah Jiang Zemin pada bulan Februari 2000. Menurut doktrin ini parti harus selalu mewakili; arah perkembangan daya pengeluaran China yang maju, orientasi kebudayaan China yang maju, dan kepentingan asas majoriti rakyat China.

[24] Zhang Bojun (1895-1969) adalah merupakan salah seorang daripada pengasas “Liga Demokratik China”, parti demokratik di China. Dia diklasifikasikan sebagai sayap kanan nombor satu pada 1957 oleh Mao Zedong, dan juga merupakan salah seorang daripada beberapa sayap kanan yang belum mendapat pemulihan reputasi sekian lama setelah Revolusi Kebudayaan.

[25] Luo Longji (1898-1965) juga adalah merupakan salah seorang daripada pengasas “Liga Demokratik China”. Dia diklasifikasikan sebagai sayap kanan nombor satu pada 1958 oleh Mao

Zedong, dan juga merupakan salah seorang daripada beberapa sayap kanan yang belum mendapat pemulihan reputasi sekian lama setelah Revolusi Kebudayaan.

[26] Pu-yi, nama Manchurianya adalah Aisin Gioro (1906 – 1967), maharaja terakhir China (1908 – 1912), memerintah dengan nama Hsuan T'ung. Setelah turun daripada takhta, kerajaan Republik yang baru memberikan wang pencen kerajaan dalam jumlah yang besar kepadanya, dan mengizinkaninya untuk tetap tinggal di Kota Terlarang, Beijing sehingga tahun 1924. Selepas 1925, dia tinggal di daerah konsesi Jepun di Tianjin. Pada 1934, memerintah dengan nama K'ang Te, dia menjadi maharaja boneka Jepun di Manchukuo, atau Manchuria. Dia ditangkap oleh Rusia pada 1945 dan dipenjarakan. Pada 1946, Pu Yi bersaksi di pengadilan jenayah perang Tokyo bahawa dia telah dipaksa untuk menjadi alat ketenteraan Jepun, dan bukanlah atas keinginannya sendiri sebagai seorang Manchuria. Pada 1950 dia diserahkan kepada Komunis China dan dipenjarakan di Shenyang sehingga tahun 1959, apabila Mao Zedong memberikan pengampunan kepadanya.

[27] Daripada Qu Qiubai “Beberapa Patah Perkataan Lagi”, 23 Mei 1935, sebelum kematiannya pada 18 Jun 1935.

[28] Zhan Wentian (1900-1976), satu pemimpin yang penting dalam PKC semenjak 1930-an. Dia ialah Timbalan Menteri Hal-ehwal Luar Negeri China dari 1954 ke 1960. Dia ditindas sehingga mati pada 1976 dalam Revolusi Kebudayaan. Kesnya dipulihkan namanya pada Ogos 1979.

[29] Zhao Ziyang, Setiausaha Agung yang terakhir daripada sepuluh Setiausaha Agung PKC yang dipecat kerana tidak setuju dengan penggunaan kekerasan terhadap demonstrasi mahasiswa di Lapangan Tiananmen pada tahun 1989.

[30] Zhang Guotao (1897-1979), seorang daripada pengasas PKC. Dia disingkirkan daripada PKC pada April 1938. Dia pergi ke Taiwan pada November 1948, kemudiannya Hong Kong 1949. Dia berhijrah ke Kanada pada 1968.

[31] “Geng Empat” didirikan oleh isteri Mao Zedong, iaitu Jiang Qing (1913-1991), pegawai Jabatan Propaganda Shanghai Zhang Chunqiao (1917-1991), pengkritik sastera Yao Wenyan (1931), dan penjaga keselamatan Shanghai Wang Hongwen (1935-1992). Mereka menjadi berkuasa semasa Revolusi Kebudayaan (1966-1976), dan mendominasi politik China awal tahun 1970-an.